



# Datanglah Kepada Bapa Kita di Syurga

**40 HARI PUASA DAN DOA**

22 JULAI – 30 OGOS 2005





## PRAKATA

**D**oa syafaat yang berterusan membawa penembusan. Yesus menceritakan satu perumpamaan kepada mereka bahawa orang harus sentiasa berdoa dan tidak berputus asa. (Lukas 18.1) Tuhan mahu kita terus berdoa, bukan untuk meletihkan kita, tetapi untuk melatih kita; oleh itu, kita mesti melawan ketidaksabaran agar penangguhan yang lama tidak menyebabkan kita berhenti berdoa.

Kita bersukacita kerana Pemerintah kita menyahut keinginan rakyat terhadap kejujuran dan keadilan. Pada amnya, gereja-gereja makmur dalam roh, jiwa dan tubuh. Berbanding dengan banyak negara lain, negara kita aman. Kita juga rakyat yang amat prihatin, seperti yang ditunjukkan dalam pemberian dengan murah hati kepada bencana Tsunami. Sebagai satu bangsa dan Gereja, kita kelihatannya baik-baik saja.

Bagaimanapun, kita mesti terus berdoa untuk seluruh bangsa agar mendapat peluang mendengar Injil. Setiap orang mempunyai hak untuk memilih supaya “Datang Kepada Bapa Kita di Syurga”. Keinginan hati kita adalah mendengar Dia berkata, seperti yang dikatakan oleh bapa kepada anaknya yang sesat, “Cepat, bawalah jubah yang terbaik dan pakaikan pada dia. Kenakan cincin pada jarinya dan kasut pada kakinya. Pilihlah anak lembu yang gemuk lalu sembelih. Marilah kita rayakan kepulangannya dengan perjamuan. Anakku ini sudah mati, tetapi sekarang hidup pula; dia sesat, tetapi sekarang ditemui semula.”

NECF Malaysia menjemput anda sekali lagi untuk

## BERDOA 24-JAM UNTUK MALAYSIA

**A**pabila Berdoa 24-jam untuk Malaysia diperkenal di laman web NECF pada 2004, seramai 1525 orang yang berdedikasi, yang terdiri daripada lelaki, wanita dan belia mendaftar untuk mendoakan negara dengan berterusan. Doa itu berlangsung 24-jam sepanjang 40-hari musim puasa, dan doa difokuskan pada 257 pekan dan wilayah di seluruh Malaysia bahagian Barat dan Timur, dengan harapan bahawa doa ini dapat mengubah lanskap rohani, sosial, ekonomi dan politik kawasan-kawasan tersebut.

Hasil yang terperinci daripada Doa 24-jam pada tahun lalu ditunjukkan di laman web kami.

Berdoa 24-jam pada tahun ini akan terus memberikan fokus kepada negeri/pekan. (Profil negeri diberikan di dalam buku ini). Berdoalah agar matlamat doa untuk negeri anda dicapai:

**Malaysia (Negeri anda) ke arah menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang. (Yesaya 60)**

- Keamanan, kemakmuran dan keharmonian berlaku di kalangan semua orang Malaysia.
- Setiap orang Malaysia mempunyai peranan dan suara dalam pembangunan bangsa.

**Kesamarataan dalam pengagihan ekonomi dan pembangunan. (Mazmur 72)**

- Menghapuskan sama sekali kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan.
- Memastikan pembangunan wilayah yang seimbang di semua negeri.

**Kebenaran dan keadilan ditegakkan di badan eksekutif, kehakiman and perundangan. (Yesaya 28:17)**

- Teruskan kempen habis-habisan menentang rasuah

tanpa takut atau pilih kasih.

- Memastikan kebebasan badan kehakiman dan membekalkan infrastruktur yang moden untuk melancarkan pelaksanaan keadilan.

### **Peraturan ilahi dalam Keluarga.**

#### **(Efesus 5:22-6:4)**

- Menghormati dan menghargai kesucian hidup, membina kasih yang sihat dan hormat terhadap sesama di dalam rumah tangga.
- Menanamkan nilai-nilai moral yang tinggi dan keberanian menghadapi cabaran di kalangan belia.

### **Cemerlang dalam mutu pendidikan, penekanan terhadap nilai-nilai mulia. (Ulangan 6:7-9)**

- Pastikan pengajaran dan pendidikan yang berkualiti di segala peringkat, sambil memperbaiki persekitaran kerja untuk profesi guru.
- Bantuan kewangan diberi kepada pelajar di segala peringkat.

### **Jemaah yang berfikiran pemerintahan Tuhan dengan penekanan misi (Markus 12:30-31; Matius 28:19-20)**

- Agar Jemaah taat kepada Perintah Agung dan Amanah Agung.
- Agar Jemaah bangkit untuk melihat dan terlibat aktif dalam tujuan dan rancangan kekal Tuhan demi

pemulihan sosial dan ketertiban politik negara.

### **Alfa dan Omega – Tuhan atas**

#### **Malaysia (Wahyu 1:8)**

- Agar orang Kristian bersatu hati dan fikiran, dan berusaha mengekalkan kesatuan Roh dalam ikatan damai di bawah satu Tuhan, satu Allah dan Bapa kita semua.
- Agar semua orang Malaysia mengakui dan menyambut kasih Tuhan.



Laman web NECF Malaysia

[www.necf.org.my](http://www.necf.org.my) akan menyediakan slot masa yang meliputi setiap  $\frac{1}{2}$  jam pada setiap hari selama 40 hari. Anda boleh mendaftar di **Berdoa 24-jam** dengan mengirim e-mel mengenai masa-masa anda kepada [prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my) atau log masuk ke laman web.

Apabila anda mendaftar di suatu slot,

nama-nama negeri dan pekan akan ditunjukkan.

**Perseorangan:** Sesiapapun boleh mendaftar secara perseorangan dan berdoa untuk matlamat-matlamat doa di rumah sendiri pada masa yang dipilih untuk satu slot masa atau beberapa slot atau setiap hari selama 40 hari. ATAU seseorang mungkin mahu berdoa bersama dengan seorang kawan atau dengan sekumpulan orang pada masa-masa yang sesuai dengan semua. ATAU beberapa individu boleh mendapatkan bantuan kelompok mereka, kelompok pembelajaran Alkitab, atau kumpulan yang lain untuk meliputi beberapa jam setiap hari atau bahkan menyahut cabaran untuk meliputi seluruh masa 24-jam dalam doa.

**Jemaah:** Gereja anda mungkin mahu menugaskan ketua doa anda untuk mendorong individu atau kumpulan dalam gereja untuk mendaftar sebagai pendoa dalam **Berdoa 24-jam**. Ini boleh dilakukan dalam beberapa cara.

- Gereja anda boleh mengambil satu masa 24-jam dan mencari orang untuk berdoa sama ada di rumah atau di gereja bagi setiap slot  $\frac{1}{2}$  jam.
- Gereja anda boleh mengambil beberapa jam (4 atau 5 atau 6 jam) setiap hari selama 40 hari untuk diliputi dalam doa.
- Gereja anda boleh meliputi seluruh 40 hari dalam doa.
- Gereja anda boleh bergabung dengan sidang jemaah yang lain untuk meliputi suatu masa tertentu.
- Slot-slot masa boleh diatur dan diliputi oleh beberapa kelompok di dalam gereja anda, seperti persekutuan wanita atau persekutuan pemuda-pemudi. Ingatlah bahawa slot masa  $\frac{1}{2}$  jam boleh diliputi oleh satu orang atau oleh satu kumpulan.

Borang-borang untuk mengatur gereja anda boleh didapati dari pejabat NECF atau e-mel kepada [prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my).

---

PRAKATA: DISAMBUNG DARI HAL. 1

menjadi sebahagian gerakan doa untuk negara. Kita amat gembira dengan “perayaan syurgawi” yang akan berlaku bersama dengan bapa dan para malaikat

apabila kita merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Nya dan meninggalkan perbuatakan kita yang jahat, lalu melihat janji pengampunan-Nya akan dosa-dosa kita, serta pemulihan negara kita.

## BAGAIMANA MENIKMATI PUASA ANDA

**P**uasa membawa dimensi pengorbanan kepada doa. Puasa di dalam Alkitab sering kali bermaksud tidak makan demi satu tujuan rohani; dan ada banyak cara untuk berpuasa. Sebilangan orang berpuasa daripada benda yang bukan makanan.

**Puasa separa makanan** merujuk kepada tidak makan pada satu atau dua masa makan atau tidak makan sejenis makanan (seperti daging) selama masa yang ditetapkan.

**Puasa sepenuh makanan** merujuk kepada tidak makan semua makanan kecuali air dan/atau jus selama masa yang ditetapkan.

**Puasa makan-minum** merujuk kepada tidak makan dan minum, tetapi seharusnya dilakukan selama tiga hari sahaja.

**Puasa bukan-makanan** merangkumi tidak melakukan sesuatu (misalnya, menonton televisyen) yang mengganggu kehidupan rohani anda.

Sesiapa yang kurang sihat atau dalam rawatan harus bertanya kepada doktornya sebelum berpuasa makan; dan sesiapa yang mencuba puasa sepenuh atau puasa makan-minum harus bertanya kepada doktor terlebih dahulu. Pilihlah jenis puasa yang terbaik bagi anda. Sekiranya puasa ini baru untuk anda, mulailah dengan puasa separa.

### **Pilihan Puasa Separa**

- Tidak makan pada satu masa makan satu hari.
- Tidak makan pada dua masa makan pada dua hari (misalnya, Rabu & Jumaat)
- Tidak makan pada dua masa makan satu hari (sarapan dan makan tengah hari)
- Tidak makan daging atau jenis makanan yang lain

BERSAMBUNG DI HAL. 8

# Datanglah kepada Bapa Kita di Syurga (Lukas

	<b>PERIBADI</b>	<b>KELUARGA</b>	<b>BELIA</b>
<b>Minggu 1</b> <b>Rancangan Bapa</b> <i>Lukas 15:11</i>	22 Julai <b>Dicipta dengan Ajaib</b> <i>Mazmur 139:13-16</i>	23 Julai <b>Taatilah Panggilan</b> <i>Kejadian 12:1-3;18-19</i>	24 Julai <b>Hormatilah</b> <i>Efesus 6:1-3</i>
<b>Minggu 2</b> <b>Pemberian Bapa</b> <i>Lukas 15:12</i>	29 Julai <b>Hak Untuk Bertindak</b> <i>Yohanes 1:12-13</i>	30 Julai <b>Kasih Tanpa Syarat</b> <i>I Yohanes 4:9,13</i>	31 Julai <b>Hikmat Tuhan</b> <i>Amsal 1:1-9</i>
<b>Minggu 3</b> <b>Kesabaran Bapa</b> <i>Lukas 15:13-19</i>	5 Ogos <b>Kepentingan</b> <i>2 Petrus 3:14-15a</i>	6 Ogos <b>Masa Depan Yang Pasti</b> <i>Lukas 6:46-49;Yesaya 43:11-13</i>	7 Ogos <b>Dikhususkan</b> <i>Yeremia 1:4-10</i>
<b>Minggu 4</b> <b>Hati Bapa</b> <i>Lukas 15:20-21</i>	12 Ogos <b>Di Dalam Tangan-Nya</b> <i>Mazmur 103:8-14</i>	13 Ogos <b>Warisan</b> <i>Mazmur 78:1-8</i>	14 Ogos <b>Sucilah</b> <i>Mazmur 119:9-11</i>
<b>Minggu 5</b> <b>Kesukaan Bapa</b> <i>Lukas 15:22-31</i>	19 Ogos <b>Kesukaan Terhadap Hidup Anda</b> <i>Lukas 15:8-10</i>	20 Ogos <b>Kesukaan Untuk Makmur</b> <i>Ulangan 30:1-6</i>	21 Ogos <b>Kesukaan Untuk Menjadi Teladan</b> <i>2 Timotius 2:2</i>
<b>Minggu 6</b> <b>Berkat Bapa</b> <i>Lukas 15:32</i>	26 Ogos <b>Diwarisi</b> <i>Roma 8:12-17</i>	27 Ogos <b>Perjanjian</b> <i>Yosua 24:15</i>	28 Ogos <b>Dibaharui</b> <i>2 Timotius 3:14-17</i>



15:11-32)

JEMAAH	PEMERINTAH	PASARAN	KAUM
25 Julai <b>Satu Keluarga</b> <i>I Yohanes 3:1-2</i>	26 Julai <b>Kedaulatan</b> <i>Amsal 8:15-16</i>	27 Julai <b>Bisnes Bapa</b> <i>Matius 6:33</i>	28 Julai <b>Setiap Lidah Mengaku</b> <i>Yesaya 45:22-23;</i> <i>Roma 10:14-15</i>
1 Ogos <b>'Parakletos'</b> <i>Yohanes 14:15-17</i>	2 Ogos <b>Anugerah</b> <b>Pembenaran</b> <i>Amsal 16:12</i>	3 Ogos <b>Kekayaan</b> <i>Ulangan 8:12-20</i>	4 Ogos <b>Air Hidup</b> <i>Yohanes 4:10-18;</i> <i>Yehezkiel 47:7-9</i>
8 Ogos <b>Disiplin-Nya</b> <i>Ibrani 12:5-13</i>	9 Ogos <b>Cukup Sendiri</b> <i>2 Tawarikh 16</i>	10 Ogos <b>Menyorok?</b> <i>Lukas 12:16-21</i>	11 Ogos <b>Semua Harus Datang</b> <i>2 Petrus 3:9</i>
15 Ogos <b>Tanpa Cacat</b> <i>Efesus 5:25-27</i>	16 Ogos <b>Pembela Orang Lemah</b> <i>Mazmur 82</i>	17 Ogos <b>Kebolehpercayaan</b> <i>Amsal 10:9; 11:1</i>	18 Ogos <b>Kembalilah</b> <i>Hosea 6:1-3</i>
22 Ogos <b>Kesukaan Dalam Belas Kasihan</b> <i>Mikha 7:18-19</i>	23 Ogos <b>Kesukaan Untuk Berlembut</b> <i>Yunus 3:1-10</i>	24 Ogos <b>Kesukaan Untuk Memberi</b> <i>Lukas 10:25-37</i>	25 Ogos <b>Kesukaan Untuk Memerintah</b> <i>Mazmur 22:27-28</i>
29 Ogos <b>Diteruskan</b> <i>2 Raja-Raja 2:2-12</i>	30 Ogos <b>Ditebus</b> <i>Daniel 6:25-28</i>	31 Ogos <b>Dikasihi</b> <i>Ulangan 28:1-14</i>	1 September <b>Dipulihkan</b> <i>Wahyu 5:9-14</i>

## WANG UNTUK KEBAJIKAN

**S**ejak 2002, pada puratanya, 265 gereja mengirim pungutan tahunan mereka kepada NECF. Apabila dilihat secara terperinci gereja-gereja yang menyumbang, ternyata kebanyakannya terletak di pekan-pekan kecil, dan menunjukkan bahawa kempen ini bermanfaat terutamanya bagi gereja-gereja di pekan kecil.

Sehingga 10 Mac 2005, kira-kira RM1.707 juta telah dipungut dan RM1.014 juta telah diagihkan kepada organisasi Kristian dan bukan-Kristian yang dipilih, di dalam negara dan juga di luar negara. Wang yang dipungut pada 2004 akan diagihkan kepada 25 sekolah yang kekurangan di seluruh negara pada tahun ini.

Sejak permulaan, telah dipersetujui bahawa satu suku pungutan akan diberi kepada projek kebajikan asing, termasuk yang di negara-negara Islam. Lagipun, kebajikan seharusnya diberi kepada mereka yang kekurangan, apapun bangsa dan agama mereka.



---

BAGAIMANA MENIKMATI PUASA ANDA: BERSAMBUNG DARI HAL. 5

### Pilihan Puasa Sepenuh

- Tidak makan, minum air dan jus saja selama 24 jam
- Tidak makan makanan keras, minum air dan jus saja (Lakukan ini dengan nasihat doktor)

### Puasa Bukan-Makanan

- Tidak melakukan sesuatu yang mengganggu anda daripada berdoa dan melaksanakan hal-hal rohani.

HARI 1: 22 JULAI PERIBADI

## **DICIPTA DENGAN AJAIB**

MAZMUR 139:13-16

**S**etiap orang mempunyai keperibadian yang unik yang dikurniakan oleh Tuhan, yang diberkati dengan bakat-bakat istimewa, kurnia dan kebolehan. Tubuh kita yang indah dan rumit serta mengagumkan, memamerkan kemahiran, kuasa, serta kebaikan Bapa kita yang tidak dapat diselami. Kita memang dicipta dengan ajaib, dan lebih penting lagi, dicipta menurut imej dan gambar-Nya (Kejadian 1.26), dan dengan cara tertentu sehingga kita merasa keperluan untuk bergantung kepada kedaulatan, penjagaan dan kuasa-Nya.

### Berdoalah

- Akuilah kepada Bapa kita pergomolan anda untuk menyambut kasih-Nya dan rancangan-Nya yang indah bagi anda.
- Puji Tuhan atas ciptaan-Nya yang mengagumkan.
- Biarkan Tuhan untuk mengubah kita dan membentuk semula pandangan yang rosak terhadap diri kita sendiri.

### Bertindaklah

Takutlah sambil hormat akan Tuhan Pencipta, dan mulailah menghargai pekerjaan-Nya yang mengagumkan.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Bangladesh

Jemaah berasa takut dan tidak yakin kerana jumlah mereka sedikit dan terbahagi-bahagi kepada 32 denominasi. Banyak antara gereja tersebut tidak mahu bekerjasama dengan satu sama lain. Keadaan ini bukan saja merosakkan kesaksian Kristian terhadap orang bukan Kristian, tetapi juga membuka jalan kepada kumpulan fundamentalis Islam untuk memberikan tekanan kepada pemerintah untuk memerintah Bangladesh menurut pemerintahan Syariah. Berdoalah menentang kecenderungan tersebut.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 2: 23 JULAI KELUARGA

**TAATILAH PANGGILAN**

KEJADIAN 12:1-3, 18:19

**A**braham harus mentaati panggilannya dan memimpin anak-anaknya serta rumah tangganya untuk mengikut jalan Tuhan – melakukan apa yang benar dan adil, agar dapat menepati janji Tuhan untuk menjadi bangsa yang besar dan perkasa.

Keluarga adalah unit asas masyarakat. Ia adalah institusi pemerintah yang pertama dalam pembentukan bangsa yang tersusun. Apabila kita mempunyai keluarga yang kuat dan salih, kita mempunyai bangsa yang kuat.

**Berdoalah**

- Agar kita terbuka terhadap rancangan Bapa untuk kita dalam setiap perkara rumah tangga kita.
- Agar ibu bapa mentaati panggilan untuk mendidik anak-anak mereka supaya melakukan apa yang benar dan adil.

**Bertindaklah**

Bertekadlah untuk mengasihi Tuhan dan mentaati-Nya.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

**China**

Menurut satu legenda purba, dahulu kalanya China menyembah Allah yang disebut di dalam Alkitab – Allah di Syurga. Tetapi China telah membela kangi Tuhan, namun Tuhan tidak membela kangi China. Penganiayaan orang Kristian China telah membawa tuaian jiwa yang tidak diduga masuk ke dalam kerajaan Tuhan, sejumlah kira-kira 15,000 orang yang baru percaya dalam satu hari. Puji Tuhan atas kasih-Nya untuk China!

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 3: 24 JULAI BELIA

## **HORMATILAH**

EFESUS 6:1-3

**I**bu bapa yang bertanggungjawab akan melakukan apa saja untuk memberikan permulaan yang baik bagi masa depan anak-anak mereka. Kita sebagai anak-anak, harus menghormati ibu bapa dengan memberi mereka perhatian, penjagaan dan sokongan yang tidak henti-henti, bahkan pada masa tua apabila ingatan mereka mulai lemah, penglihatan pudar atau meminta dengan terus-menerus.

### Berdoalah

- Agar kita takut akan Tuhan dan menghormati ibu bapa kita.
- Agar kita menghormati dan menghargai mereka yang lebih tua.

### Bertindaklah

Ambillah masa bersama-sama ibu bapa anda dan/atau ibu bapa rohani anda minggu ini.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Laos

Keperluan penginjilan antara-budaya amat besar. Salah satu daripada 90 suku yang berlainan di Laos, hanya kira-kira 12 suku yang ada orang Kristian.

Kebanyakan suku ini tidak pernah mendengar nama Yesus Kristus.

Sejak perubahan Pemerintah pada 1975, tiada mubaligh antara-budaya dari luar negara telah diberikan izin untuk melayani di Laos.

Berdoalah agar Tuhan membangkitkan mubaligh tempatan yang melakukan penginjilan antara-budaya.

### Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 4: 25 JULAI JEMAAH

## SATU KELUARGA

1 YOHANES 3:1-2

“**K**etahuilah bahawa Allah Bapa sangat mengasihi kita! Dia amat mengasihi kita, sehingga kita diakui sebagai anak-anak Allah dan memang kita anak-anak Allah.” Rancangan Bapa untuk gereja-gereja di Malaysia adalah supaya setiap sidang jemaah bangkit dari denominasinya dan menjadi satu, sambil menjadikan Kristus sebagai Kepala, dengan satu fokus dan tujuan untuk melaksanakan rancangan-Nya bagi bangsa ini.

“Alangkah baiknya dan indahnya apabila umat Allah hidup dengan rukun” (Mazmur 133).

Berdoalah

- Bersyukur atas semua denominasi gereja dengan kurnia masing-masing.
- Untuk kesatuan jemaah di gereja-gereja tempatan.
- Untuk persekutuan pastor di 14 negeri agar diteguhkan dalam kesatuan dan agar semua denominasi bersatu.

Bertindaklah

Aambilah peta bandar anda dan carilah di mana gereja-gereja tempatan, dan mulailah berdoa.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

## Sri Lanka

Berdoalah agar perang suku berhenti di antara Sinhalese yang banyak dan Tamil yang sedikit, yang menuntut negara sendiri di sebelah utara dan timur negara ini. Perang ini telah mengorbankan 100,000 orang, sementara ribuan lagi yang terpaksa berpindah tempat dan dicacatkan. Terdapat kira-kira 800,000 orang pelarian di dalam negara dan lebih satu juta pelarian di luar negara.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 5: 26 JULAI BANGSA

**KEDAULATAN**

AMSLA 8:15-16

**K**ejayaan suatu bangsa sangat bergantung kepada kedaulatan Tuhan. Walaupun dunia hari ini dilanda oleh masalah dan mengalami perperangan serta kemasuhan, rakyat Malaysia, dengan rahmat Tuhan, masih menikmati keamanan dan kestabilan. Sementara kita bersyukur kepada Bapa kita, janganlah kita lupa akan rancangan-Nya untuk bangsa ini dan teruslah bersandar kepada-Nya untuk memberikan pemerintah yang takut akan Tuhan. Dengan kedaulatan-Nya, raja dan penguasa memerintah serta menegakkan keadilan.

**Berdoalah**

- Untuk pemerintah yang takut akan Tuhan dan cinta akan kebenaran.
- Untuk ahli politik Kristian supaya berkhidmat dengan cemerlang.
- Untuk Jemaah agar bangkit dari kelembapan rohani dan keselesaannya, dan memainkan peranan yang aktif dalam setiap segi pembangunan negara.

**Bertindaklah**

- Ambillah peranan dalam Rukun Tetangga.
- Bertekadlah untuk mendoakan pemerintah, tentera, perkhidmatan undang-undang dan sosial, polis, jabatan pendidikan dan kesihatan, dsb.

---

---

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa**Vietnam**

Sejak kejatuhan Saigon pada 1975, bilangan orang Kristian injili telah meningkat meskipun dianaya dengan dahsyat sekali oleh pemerintah Komunis. Perkara ini berlaku kerana mereka memperhatikan kepentingan melatih pemimpin. Orang Kristian yang masih muda dan anggota gereja telah menerima cabaran kepimpinan apabila ramai pastor mereka ditangkap dan gereja-gereja ditutup. Berdoalah untuk para pemimpin tersebut.

**Nota**  

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 6: 27 OGOS PASARAN

**BISNES BAPA**

MATIUS 6:33

**P**asaran digerakkan oleh peningkatan keuntungan. Adakah orang beriman pun diperangkap oleh keinginan dunia, kepentingan sendiri dan kebendaan? Seorang doktor yang berkhidmat tanpa panggilan Tuhan akan berfokus kepada kemajuan bisnesnya untuk keuntungan sendiri, sementara doktor yang mendapat panggilan Tuhan akan menjalankan bisnes Bapa dengan memperhatikan keperluan orang.

Adakah anda bergelut dengan keputusan yang harus diambil dan menundakan rancangan Tuhan? “Sebaliknya utamakanlah Pemerintahan Allah dan lakukanlah kehendak-Nya, lalu Allah akan memberi semuanya itu kepada kamu.”

**Berdoalah**

- Serahkan pergelutan anda kepada Tuhan dengan mengutamakan bisnes-Nya terlebih dahulu.
- Mohonlah Rancangan Tuhan dalam pelaburan anda.
- Untuk kerelaan mengetepikan kenikmatan keduniaan dan menjadikan kerjaya anda sebagai panggilan Tuhan demi kemuliaan-Nya.

**Bertindaklah**

Rancanglah kelompok pembelajaran Alkitab yang berfokus pada “panggilan di pasaran” di tempat anda bekerja.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

**Korea Utara**

Berdoalah untuk orang Kristian di kem-kem tahanan, kerana hampir tiada seorang pun yang keluar. Ada seramai 200,000 orang di kem-kem tersebut, termasuk ribuan orang Kristian. Tolong doakan ribuan orang Kristian dan puluhan ribu orang lain yang tidak bersalah, yang terlantar di dalam kem-kem penganiayaan yang mengikut cara Stalin. Berdoalah agar mereka tidak hilang iman, melainkan tetap bertekun untuk mengikut Tuhan.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 7: 28 JULAI KAUM

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**SETIAP LIDAH MENGAKU**

YESAYA 45:22-23, ROMA 10:14-15

Penduduk dunia sudah berjumlah 6.35 bilion orang (16,019 kaum menurut negara). Menurut Projek Yosua, 42.9% (iaitu 2.48 bilion orang) kumpulan tergolong kepada kategori yang belum dijangkau atau kurang dijangkau dengan Injil. Projek ini juga telah mengenalpasti bangsa Jepun sebagai kaum yang paling besar, yang paling kurang dijangkau dengan Injil (lebih 120 juta). <http://www.joshuaproject.net/index.php>

Rancangan penyelamatan yang dibuat oleh Bapa kita merangkumi setiap orang di bumi. Tetapi bagaimana mungkin mereka percaya kepada-Nya kalau mereka belum pernah mendengar tentang Dia?

**Berdoalah**

- Agar kita menanggalkan sikap mementingkan diri dan pemikiran yang melihat ke dalam diri sendiri, agar hati kita terbuka luas untuk mereka yang belum dijangkau.
- Agar setiap suku dan bahasa datang kepada-Nya dan diselamatkan.
- Agar lebih banyak mualih diutus ke Jepun.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**Bertindaklah**

Kongsikan kesaksian anda/berikan risalah kepada teman-teman anda yang belum ada penyelamatan rohani (mungkin juga orang Jepun) pada minggu ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI

Nota

### AGAR MEREKA MENJADI SATU

YOHANES 17.18-23; ROMA 10.13-15

Jah Hut atau Jah Het adalah nama satu kaum OA di tengah-tengah Semenanjung. "Jah" bererti "orang" dan "het" bererti "tidak" dalam bahasa mereka.

Bagaimanapun, mereka merujuk kepada diri mereka sendiri sebagai Jah Hèq yang bererti "orang kita".

Pada hari ini, sejumlah orang daripada 'Orang Tidak' sudah menjadi Umat Tuhan.

Kita memuji Tuhan kerana mereka dan saudara-saudara OA yang lain daripada suku Semai, Temuan, Jakun, Semelai, Mah Meri, Temiar, Orang Seletar, Jahai, Semaq Beri dan Chewong kini menyembah Yesus sebagai Tuhan mereka.

#### Berdoalah

- Agar gereja-gereja yang melayani di kalangan OA dapat menjadi kesaksian yang bersatu, dan juga bersatu dalam matlamat untuk menyelesaikan tugas tersebut.
- Memohon kepada Tuhan untuk mengutus pekerja kepada suku yang belum ada jemaah: suku Kensiw, Kintak, Lanoh, Batek, Mendriq, Temoq, Orang Kanaq, Orang Kuala.

#### Bertindaklah

Satu bibliografi yang sudah terbit, menyenaraikan 1700 rujukan bahan kajiselidik mengenai OA. Periksalah bahan mengenai OA di laman web NECF.

**Map showing distribution of OA groups**  
*Adapted from Geoffrey Benjamin (1985) and Rasha Rashid (1995)*



## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Perlis: negeri terkecil; ekonominya berasaskan beras, getah dan perikanan.

Keluasan: 795 kilometer persegi.

Ibu kota: Kangar

Rakyat [% Kristian (2000): 0.5%]

Penduduk (2000): 204,450

Kaum etnik (2000): Melayu 83.9%,  
Bumiputera lain 0.3%, Cina 10.2%,  
India 1.3%, Kaum etnik lain 2.8%,  
Bukan Malaysia 1.5%

Agama (2000): Islam 85.4%, Kristian 0.5%, Hindu 1.0%, Buddha 11.4%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 1.4%, Agama lain 0.1%, Tiada agama 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 90.8% / 20 tahun & ke atas: 12.9%

Kadar kemiskinan (2002): 10.1%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalulail Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail

**Mentri Besar:** Datuk Seri Shahidan Kassim

Kedah: disebabkan kestabilan ekonomi dan politik, ramai pelabur baru menempatkan operasi industri mereka di negeri perluuk nasí ini.

Keluasan: 9,425 kilometer persegi.

Ibu kota: Alor Star

Rakyat [% Kristian (2000): 0.8%]

Penduduk (2000): 1,649,756

Kaum etnik (2000): Melayu 75.2%,  
Bumiputera lain 0.2%, Cina 14.6%,  
India 7.0%, Kaum etnik lain 1.4%,  
Bukan Malaysia 1.6%

Agama (2000): Islam 76.9%, Kristian 0.8%, Hindu 6.5%, Buddha 13.5%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 2.0%, Agama lain 0.1%, Tiada agama 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 90.2% / 20 tahun & ke atas : 12.9%

Kadar kemiskinan (2002): 10.7%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah

**Mentri Besar:** Datuk Seri Syed Razak Syed Zain

## Renungan

Penang: Mutiara Timur, perkilangan menyumbang sebanyak 46.5% kepada ekonomi negeri.

Keluasan: 1,031 kilometer persegi

Ibu kota: Georgetown

Rakyat [% of Kristian (2000): 3.6%]

Penduduk (2000): 1,313,449

Kaum etnik (2000): Melayu 40.6%,  
Bumiputera lain 0.3%, Cina 44.8%,  
India 10.2%, Kaum etnik lain 0.4%,  
Bukan Malaysia 3.7%

Agama (2000): Islam 44.2%, Kristian  
3.6%, Hindu 8.7%, Buddha 33.7%,  
Konfusius/Taois/agama tradisi Cina  
yang lain 8.8%, Agama lain 0.3%,  
Tiada agama 0.4%, Tidak diketahui  
0.2%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 93.8% / 20 tahun & ke atas : 15.7%

Kadar kemiskinan (2002): 1.4%

**Ketua Negeri:** Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas

**Ketua Menteri:** Tan Sri Dr Koh Tsu Koon

HARI 8: 29 JULAI PERIBADI

## **HAK UNTUK BERTINDAK**

YOHANES 1:12-13

**S**ebagai warganegara, kita mempunyai hak untuk mengundi, memiliki harta, dan menikmati kemudahan awam seperti kesihatan dan pendidikan. Orang beriman adalah anak-anak Tuhan melalui iman kepada Anak-Nya, dan yang dikenakan pakaian kebenaran-Nya. Jika kita menjadi milik Kristus, kita adalah keturunan Abraham dan pewarisnya menurut perjanjian (Galatia 3.29). Sebagai pewaris, kita diberi kuasa, hak rohani, untuk mengongsikan pemberian Bapa kepada Malaysia.

### Berdoalah

- Akuilah bahagian hidup kita yang menghalang kita berjalan dengan kekuasaan penuh.
- Dengan kesyukuran kerana kita diberi Roh Kudus.
- Agar kita menggunakan wibawa untuk menerapkan pemberian Tuhan kepada Malaysia.

### Bertindaklah

Kongsikan dengan orang lain bagaimana anda menerima keistimewaan ini.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Korea Selatan

Berdoalah untuk saudara seiman kita di Korea Selatan agar mereka terus menginjil dan dapat menyokong pelarian Kristian di Korea Utara. Pada 12 April 2002, seorang pastor dari Korea Selatan, Pastor Bond-II Choi telah ditangkap di China kerana dia memberi bantuan dalam bentuk tempat tinggal, makanan, pakaian dan Firman Tuhan kepada orang Korea Utara yang telah melarikan diri. Doakan perlindungan untuknya dan para penginjil yang lain.

### Notes

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 9: JULAI 30 KELUARGA

**KASIH TANPA SYARAT**

1 YOHANES 4:9,13

**S**atu daripada hasil tindakan Bapa kita untuk mengorbankan Anak-Nya di atas kayu salib adalah memberi kita pengertian akan ertiannya kasih tanpa syarat. Ancaman yang sebenar terhadap keluarga kita bukan masyarakat yang tercemar, ataupun tekanan dari rakan sebaya yang tidak sihat, ataupun sistem persekolahan yang kurang baik. Ancaman yang sebenar terletak dalam rumah tangga yang tidak mendasarkan masa depan dan pengharapan pada kasih tanpa syarat daripada Bapa kita. Adakah rumah tangga kita seperti Jemaah di Efesus, yang meskipun giat, namun sudah meninggalkan kasih yang pertama?

**Berdoalah**

- Agar suami dan isteri, dengan setia memenuhi perjanjian dalam perhubungan, pertama-tama dengan Tuhan, kemudian dengan satu sama lain, dan dengan tekun membina keintiman dalam perkahwinan.
- Agar anak-anak diterima dan dikasihi tanpa syarat dan bertumbuh dalam suasana yang memberikan keyakinan, penghargaan dan dorongan.

**Bertindaklah**

Bertekadlah untuk mengambil masa sebanyak mungkin, untuk bersama-sama ahli keluarga pada minggu ini, dan nikmatilah masa tersebut.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Bhutan**

Orang Kristian dipaksa membuat janji bertulis supaya tidak berkumpul untuk beribadah ataupun menginjil. Hukuman melanggar larangan tersebut adalah pengguguran semua bantuan dari pemerintah, kehilangan pendidikan percuma untuk anak-anak mereka, kehilangan peluang untuk naik pangkat dan latihan, pemecatan dari pekerjaan, pembatalan lesen perniagaan, pengehadan pergerakan, dan untuk pelanggaran yang berulang, hukumannya dibuang negeri.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 10: 31 JULAI BELIA

**HIKMAT ILAHI**

AMDAL 1:1-9

**B**elia yang bijaksana tahu bahawa terlalu banyak masa yang digunakan untuk menonton televisyen/wayang, video game, Internet, pergi ke kelab, melepak, dan yang seumpama itu, akan merampas masa yang seharusnya digunakan untuk bersama-sama Tuhan dan firman-Nya. Dengan jelas, mereka tahu keperluan untuk bertumbuh dalam kebijaksanaan, pendidikan dan bimbingan rohani, agar hidup mereka bergerak ke arah yang betul. Mereka berhati-hati untuk mengawal destini mereka.

**Berdoalah**

- Berdoalah menurut Lukas 2.52 agar belia kita (anda) akan bertumbuh besar dalam hikmat dan menyenangkan hati Allah dan manusia.
- Agar mereka (anda) membuat komitmen untuk mengambil masa bersama-sama Tuhan dan belajar Firman-Nya.
- Agar pemimpin belia mempunyai hikmat ilahi dan memberikan teladan yang baik untuk melatih dan membimbing belia yang lebih muda.

**Bertindaklah**

Jika anda seorang belia, kongsikan pergomolan anda dengan seorang yang lebih dewasa yang anda percayai (ibu bapa, pastor atau pemimpin belia) dan mohonlah dia untuk mendoakan anda serta menjadi orang yang anda berikan pertanggungjawab. Jika anda seorang dewasa, bercakaplah dengan seorang belia pada hari ini dan berdoalah bersama-sama dia.

40 hari Kalendar Doa untuk Bangsa-Bangsa

**Burma**

Orang Kristian adalah kaum di pergunungan. Pada 15 Mac 1899, mualih Amerika mulamula bertemu dengan kaum yang tidak beragama. Kini, kaum Chin hampir semuanya sudah masuk agama Kristian – sehingga golongan beragama Buddhist yang militan amat marah dan mereka disokong oleh pihak pemerintah. Kemarahan ini telah mengakibatkan gerakan yang kuat untuk menjadikan kaum Chin pengikut agama Buddhist. Mereka menghadapi penganiayaan dan pencubaan untuk menyangkal iman. Doakanlah mereka.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

HARI 11: 1 OGOS JEMAAH

**'PARAKLETOS'**

YOHANES 14:15-17

**P**arakletos,' Dia yang datang untuk menyertai, iaitu Roh Kudus, pemberian Bapa kepada Jemaah agar orang beriman tidak terlantar sebagai anak yatim rohani. Dialah Roh kebenaran yang membimbing kita ke dalam semua kebenaran. Melalui Dia juga, Jemaah dimampukan untuk melaksanakan maksud Allah untuk bersaksi, menyembuhkan, dan membebaskan orang dari tawanan.

**Berdoalah**

- Akuilah kemalasan dalam diri kita yang menghalang persekutuan kita dengan Bapa, Anak dan Roh Kudus.
- Untuk kerendahan hati dan kebergantungan penuh kepada Roh Kudus.
- Agar kuasa Roh Kudus dinyatakan dalam hidup semua orang beriman.

**Bertindaklah**

Bacalah buku yang menceritakan kebangunan rohani. Buku seperti "Mabuk Sebelum Fajar" mengenai kebangunan rohani di Malaysia, di Ba' Kelalan, Sarawak pada 1973.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Brunei**

Kementerian Pendidikan mewajibkan semua pelajar, termasuk orang bukan Islam, untuk belajar iman Islam dan tulisan jawi (aksara Arab).

Bagaimanapun, Pemerintah tidak melarang atau mengehadkan ibu bapa untuk memberikan ajaran agama kepada anak-anak mereka di rumah sendiri. Doakanlah semua ibu bapa Kristian agar dapat memberikan pendidikan yang berkesan kepada anak-anak mereka mengenai ajaran Tuhan di rumah mereka.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 12: 2 OGOS PEMERINTAH

**ANUGERAH PEMBENARAN**

AMDAL 16:12

**P**erdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, memimpin negara melalui teladan. Dia ada kebolehpercayaan dan penghormatan, serta kepercayaan terhadap moral dan tata susila, serta menghargai orang daripada segala lapisan masyarakat. Motonya, ‘bekerjalah dengan saya, bukan untuk saya’ memberikan ruang kepada orang untuk turut serta dalam pembangunan bangsa. Seorang pemimpin yang salih menghargai kejujuran, bukan hanya dalam dirinya sendiri tetapi juga dalam diri orang lain.

**Berdoalah**

- Bersyukurlah kepada Tuhan atas hikmat dan nilai-nilai mulia yang dikurniakan pada Perdana Menteri.
- Untuk keluarga PM, terutamanya untuk isterinya, Datin Paduka Seri Endon Mahmood, untuk kesihatan dan kebijaksanaan sebagai penolong PM.
- Untuk semua pemimpin dalam kerajaan dan pihak berkuasa tempatan agar bersatu dalam satu wawasan dan tunduk kepada kepimpinan PM.

**Bertindaklah**

Tunjanglah wawasan PM untuk Malaysia – menanamkan sikap hormat, rendah hati, pertanggunganjawab, kebolehpercayaan, kejujuran dan keadilan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

India

Oleh sebab penganiayaan yang semakin meningkat, jemaah kini mulai menyedari keperluan untuk bersatu. Untuk kali yang pertama dalam sejarah di India, gereja Katolik, Protestan dan Injili telah bergabung untuk membentuk Forum Kristian Bersatu, yang kini berfungsi dan diiktiraf oleh Pemerintah. Marilah berdoa agar dengan kesatuan ini, India akan mengenal bahawa Yesus itulah Tuhan!

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## HARI 13: 3 OGOS PASARAN

### KEKAYAAN

ULANGAN 8:12-20

**O**rang Israel bergantung kepada Tuhan bagi keperluan hidup semasa di padang gurun. Musa memberikan amaran kepada mereka terhadap bahaya kemakmuran, iaitu roh berdikari, kerana takut mereka lupa akan Tuhan dan menjadi sompong.

Kemampuan untuk mendapatkan kekayaan adalah kurnia daripada Tuhan. Janganlah kita berhenti memuji Tuhan Allah, jangan lupa akan berkat-Nya atas kita, dan jadilah pengurus yang baik terhadap kekayaan-Nya untuk perluasan kerajaan-Nya.

#### Berdoalah

- Pujiyah Tuhan atas semua yang kita miliki.
- Akuilah pemikiran kita yang salah, yang menganggap pelaburan dalam kerajaan Tuhan itu suatu kerugian.
- Mohonlah jiwa hamba agar kita melayani Tuhan dengan apa yang terbaik yang kita miliki.

#### Bertindaklah

Sudahkah anda memikirkan untuk menaja seorang pelajar yang ada keperluan di Gereja anda atau menubuhkan tabung biasiswa untuk masyarakat anda? Jika belum, bertindaklah!

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

#### Nepal

Gereja di Nepal telah melihat pertumbuhan yang besar dalam beberapa tahun kebelakangan ini. *Operation World* melaporkan penggandaan bilangan sehingga 400,000 pada tahun 1990-an. Bagaimanapun, orang Kristian di dalam satu-satunya kerajaan Hindu di dunia, masih mengalami penganiayaan. Pelampau Hindu telah mengisyitiharkan bahawa mereka akan menumpahkan darah untuk melindungi agama Hindu di Nepal. Berdoalah agar darah orang yang terkorban kerana Kristus akan menjadi benih jemaah.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

HARI 14: 4 OGOS KAUM

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## AIR HIDUP

YOHANES 4:10-18; YEHEZKIEL 47:7-9

**R**amai orang di kampung itu percaya kerana perempuan Samaria itu pulang untuk menceritakan perjumpaannya dengan Yesus. Air hidup yang diterimanya menjadi kehidupan dan kesembuhan untuk kampung tersebut.

Di mana saja sungai mengalir, segala sesuatu hidup, setiap pokok berbuah dan daunnya memberi kesembuhan (Yehezkiel 47:8-9), bangsa-bangsa akan berduyun-duyun untuk mendengar Berita Baik dan dibersihkan daripada kepercayaan serta upacara tahayul. Yesuslah Air Hidup itu.

Berdoalah (untuk kumpulan orang)

- Untuk pertemuan peribadi dengan Tuhan Yesus.
- Penyembuhan dan pemulihan.

Berdoalah (untuk Kristian)

- Agar lebih ramai pekerja di ladang tuaian.
- Untuk perlindungan dan ketabahan para penginjil.

Bertindaklah

Kirimlah nota yang mendorong kepada seorang penginjil yang anda kenal, dan biarlah dia tahu bahawa anda mendoakan dia.

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI DIPILIH DAN DILANTIK UNTUK BERBUAH

YOHANES 15.1-17

**K**egiatan penginjil bermula di kalangan suku Semai, suku OA yang paling besar, pada 1930-an. Beberapa gereja Semai dimulakan kurang daripada 10 tahun. Masih banyak kerja yang harus dilakukan.

Sebaliknya, jemaah daripada suku Jahai, Semaq Beri, Jah Hut dan Chewong dimulakan kurang daripada 5 tahun. Namun, mereka sudah menghadapi dan sedang menghadapi banyak cabaran terhadap iman mereka; kesetiaan mereka kepada Kristus sedang diuji.

### Berdoalah

- Untuk pembaharuan di gereja-gereja yang sudah lama ditubuh, agar mereka ‘dipangkas’ supaya dapat berbuah dengan lebih lebat.
- Untuk kelaparan akan kebenaran Tuhan dan keinginan untuk mengenal Dia serta mentaati-Nya.
- Untuk rahmat dan kekuatan pada masa pengujian.
- Untuk perlindungan dan penyertaan Tuhan bagi mereka yang melayani Jemaah dan masyarakat OA, agar hasil pelayanan mereka berkekalan.
- Agar gereja-gereja OA menjadi garam dan terang dalam masyarakat mereka.

### Bertindaklah

- Jika anda pernah melawat kampung OA, mengapa tidak menghubungi pastor/penginjil yang menyambut anda, dan memberikan dorongan kepada mereka?
- Jika anda tidak pernah bersekutu dengan saudara-saudara OA, merancanglah untuk menyertai/mengatur kumpulan misi ke gereja OA, atau jemput mereka ke gereja anda.

Ada sebilangan orang OA yang memberikan sebab-sebab berikut yang menyebabkan mereka menjadi Kristian: mereka merasa tertekan untuk memilih suatu agama. Oleh itu, mereka memilih agama Kristian kerana agama ini tidak menuntut mereka supaya disunat atau meninggalkan beberapa jenis makanan yang amat penting sebagai sumber protein. Dilaporkan juga bahawa beberapa orang, terutamanya kaum wanita muda yang menjadi aktivis, menganut agama Kristian secara nama (penekanan daripada kami) sebagai satu cara untuk tetap mempertahan nilai-nilai tradisi mereka.

### Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: bandar moden yang sibuk.

Keluasan: 243 kilometer persegi

Rakyat [% of Kristian (2000): 5.6%]

Penduduk (2000): 1,379,310

Kaum etnik (2000): Melayu 39.8%, Bumiputera lain 0.9%, Cina 40.6%, India 10.6%, Kaum etnik lain 1.4%, Bukan Malaysia 6.7%

Agama (2000): Islam 46.2%, Kristian 5.6%, Hindu 8.4%, Buddha 34.2%,

Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 2.7%, Agama Lain 0.7%, Tiada agama 0.9%, Tidak diketahui 1.4%

Kadar literasi (2000) 10 tahun & ke atas: 96.2% / 20 tahun & ke atas : 25%

Kadar kemiskinan (2002): 0.5%

**Menteri Wilayah Persekutuan:**  
Tan Sri Mohd Isa Samad

**Datuk Bandar:** Datuk Ruslin Hasan

Wilayah Persekutuan Labuan: negeri yang paling kurang penduduk.

Keluasan: 92 kilometres persegi

Ibu kota:Victoria

Rakyat [% of Kristian (2000): 12.8%]

Penduduk (2000): 76,067

Kaum etnik (2000): Melayu 38.1%, Kadazan Dusun 6.4%, Bajau 5.3%, Murut 0.5%, Bumiputera lain 12.4%, Cina 12.5%, Kaum etnik lain 3.6%, Bukan Malaysia 21.2%

Agama (2000): Islam 76.3%, Kristian 12.8%, Hindu 0.4%, Buddha 9.3%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 0.5%, Agama lain 0.2%, Tiada agama 0.3%, Tidak diketahui 0.2%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 91.7% / 20 tahun & ke atas: 13.3%

Kadar kemiskinan (2002): 16%  
(Dimasukkan di Sabah)

**Datuk Bandar:** Datuk Suhaili Abdul Rahman

Wilayah Persekutuan Putrajaya:  
Ibu kota pentadbiran Malaysia  
yang baru

Keluasan: 4,931 hektar

Metropolis yang tamannya dilanskap dan bangunannya berkubah. Pada masa akan datang, bandar raya baru ini akan menampung kira-kira 330,000 orang dan berfungsi sebagai pusat pemerintahan. Di sini akan terdapat perkhidmatan komunikasi dan infrastruktur pengangkutan yang canggih.

**Perbadanan Putrajaya:**

Presiden yang bertindak sebagai Pengurus, Tan Sri Dato' Seri Azizan Zainul Abidin

Renungan

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 15: 5 OGOS PERIBADI

**KEPENTINGAN**

2 PETRUS 3:14-15A

**K**ristus mati untuk kita semasa kita masih berdosa dan kasih-Nya untuk kita kekal abadi. Apapun yang dikatakan oleh orang lain mengenai kita, Tuhan tetap menghargai kita. Apapun pendapat kita tentang diri kita, Allah melihat siapa kita pada masa akan datang, bukan siapa kita pada masa ini. Marilah bertekun agar didapati-Nya dalam keadaan baik, tanpa cacat cela, dan anggaplah ketabahan-Nya sebagai penyelamatan, kerana kita penting dalam Kristus Yesus.

**Berdoalah**

- Agar kegembiraan kerana menjadi penting akan menjadi berkat yang mempengaruhi orang lain.
- Akuilah bahawa kita kurang minat terhadap jiwa yang sesat dan tidak menghargai kepentingan mereka dalam Kristus, kerana pandangan kita sempit.

**Bertindaklah**

Kongsikan damai dan kasih Allah kepada seorang teman hari ini.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

Indonesia

Hasil suatu kaji selidik yang dikeluarkan pada 11 November 2004 menunjukkan bahawa suatu peratusan yang penting daripada penduduk Indonesia, tidak ada toleransi terhadap orang yang beragama lain. Awal tahun ini, segolongan Islam di Jawa dan Sumatera telah menggunakan undang-undang untuk menutup beberapa gereja. Mereka menggunakan peraturan daripada pemerintah yang menyatakan bahawa gereja boleh ditutup jika masyarakat tempatan membantah kewujudannya.

Sekiranya perkara ini berlaku, berdoalah untuk orang Kristian agar terus bertemu di dalam rumah.

Nota

---

---

---

---

## HARI 16: 6 OGOS KELUARGA

### **MASA DEPAN YANG PASTI**

LUKAS 6:46-49, YESAYA 43:11-13

**A**pakah yang menjadi dasar keluarga kita? Adakah Kristus yang menjadi Batu Penjuru yang Utama? Marilah kita memeriksa setiap bata, ceruk dan sudut hati kita dan menyerahkan keluarga kita kepada Bapa. Satu-satunya Perakuan Kelayakan keluarga yang selamat, bergantung pada berapa banyak yang kita sudah serahkan kepada Tuhan.

#### **Berdoalah**

- Agar Kristus memerintah di dalam keluarga kita.
- Untuk menyerahkan keluarga kita kepada-Nya.

#### **Bertindaklah**

Bukalah rumah kita untuk pertemuan seperti sesi susulan kursus Alfa, pembelajaran Alkitab, persekutuan rumah, dsb.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

#### **Mongolia**

Kumpulan agama yang ada: Buddhist Lama 50%, Tiada Agama 40%, Shaman dan Kristian 6%, Islam 4%. Ada kebebasan beragama di negara ini meskipun undang-undang mengehadkan kegiatan membawa orang lain menganut agama baru. Berdoalah untuk orang Kristian yang sedikit bilangannya, dan agensi misi yang banyak dari luar yang berada di dalam negara ini, agar berjaya dalam penginjilan.

#### **Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 17: 7 OGOS BELIA

## DIKHUSUSKAN

YEREMIA 1:4-10

**S**ebelum anda lahir, Allah sudah mengenal serta mengkhususkan anda untuk suatu destini. Jangan khina kemudahan atau ketidaklayakan anda untuk melaksanakan rancangan Allah, kerana apabila Allah mengutus, Dia mengurapi serta melengkapkan anda. Ke mana saja anda diutus, anda akan pergi dengan yakin kerana tahu Allah menyertai anda.

### Berdoalah

- Agar mata hati anda dicelikkan untuk mengenal pengharapan daripada panggilan Allah (Efesus 1:17-18), agar anda mengutamakan panggilan-Nya daripada kerjaya sendiri.
- Agar ibu bapa rela membebaskan anak-anak mereka untuk melaksanakan destini mereka.

### Bertindaklah

Pernahkah anda memberitahu Tuhan tentang cita-cita/ impian anda? Jika belum, beritahulah Dia hari ini. Jika sudah, teruslah memohon pernyataan yang lebih jelas daripada-Nya.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Kemboja

Kemboja masuk ke dalam masa kegelapan selama lebih 3 ½ tahun ketika rejim Pol Pot menaklukkan Phnom Penh pada 1975. Seluruh infrastruktur negara ini telah musnah sama sekali. Sekurang-kurangnya 1.5 juta orang, satu perlima penduduknya, mati kerana dibunuh, atau kebuluran. Semasa roda sejarah itu kembali ke tahun kosong, tidak terdapat agama, wang, pendidikan, sekolah dan sebagainya. Berdoalah mohon pertolongan Tuhan sementara pemerintah yang ada sekarang berusaha membangun semula negara ini.

Nota

---

---

---

---

---

---

HARI 18: 8 OGOS JEMAAH

## DISIPLIN-NYA

IBRANI 12:5-13

Banyak Jemaah yang sibuk dengan program dan aktiviti masing-masing. Oleh itu, kepentingan membina hubungan dan pertanggunganjawab kepada satu sama lain mungkin diabaikan, walaupun kita tahu bahawa serangan dan pencubaan rohani itu amat nyata. Walaupun Jemaah harus bertekun dan bertabah untuk menolong satu sama lain dalam hal pertanggunganjawab, kita juga didorong untuk belajar bahawa disiplin ilahi itu adalah bukti kasih ilahi, kerana semua anak Tuhan tertakluk kepada disiplin-Nya.

### Berdoalah

- Untuk orang yang sudah jatuh dan menyerah kalah kepada percubaan dan penipuan, agar tidak menghina teguran daripada Tuhan, melainkan rela untuk tunduk dan didisiplin.
- Untuk rahmat dan hikmat bagi orang yang melaksanakan disiplin dan pemulihan.
- Untuk perhubungan dan pertanggunganjawab yang teguh di kalangan pemimpin.

### Bertindaklah

- Baharuilah komitmen anda untuk berdoa bagi para pemimpin anda.
- Ambillah bahagian dalam Bulan (Oktober) Penghargaan Pastor anjuran NECF.

40 hari Kalender Doa

untuk Bangsa-Bangsa

### Maldives

Penduduk Maldives berjumlah 300,000 orang dan dianggap 100% Islam. Pemerintah mengamalkan Syariah (undang-undang Islam) dan undang-undang melarang agama lain, selain Islam, daripada diamalkan.

Tsunami yang berlaku pada Disember lepas telah memusnahkan industri pelancongan yang amat berharga kepada negara ini, yang menyediakan dua pertiga pekerjaan dan menjadi bahagian yang terbesar dalam GDP. Berdoalah kepada Tuhan untuk membuka pintu bagi Injil-Nya masuk ke dalam negara ini melalui krisis tersebut.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

## HARI 19: 9 OGOS PEMERINTAH

### CEKUP SENDIRI

2 TAWARIKH 16

**K**ejatuhannya Israel bermula dengan kesombongan Raja Asa dan pengasingan daripada Allah.

Apabila pemerintah kita bergantung pada diri sendiri dan mengetepikan tujuan Allah, bangsa akan merasakan akibatnya. Marilah kita sedar bahawa kesabaran dan kasih Bapa itu dipanjangkan untuk sementara waktu kepada bangsa semasa Jemaah melaksanakan Firman Tuhan dan bersaksi tentang kebenaran-Nya.

#### Berdoalah

- Bertaubatlah daripada kesombongan dan sikap cukup sendiri bagi pihak pemerintah kita.
- Untuk pemerintah kita supaya teguh dalam prinsip yang menyenangkan hati Tuhan ketika merangka dan melaksanakan polisi serta pemerintahan.
- Agar pengharapan dan kepercayaan dibina di antara Jemaah dan pemimpin kebangsaan.

#### Bertindaklah

Adakah anda selalu mengkritik pemerintah atau adakah anda menyumbangkan pendapat yang membina?

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

#### Hong Kong

Apabila Rasul Paulus melawat Atena, “hatinya sedih melihat kota itu penuh dengan berhalab-berhalab” (Kisah 17.16).

Sama seperti Atena pada abad pertama, di Hong Kong pun terdapat berhalab di mananya. Orang di sana juga dibelenggu oleh Tiga Kutuk Masyarakat Cina’ – maksiat, dadah dan judi. Berdoalah agar Tuhan memberi Jemaah kekuatan dan rahmat untuk menggunakan wibawa rohani untuk mengalahkan kuasa-kuasa jahat.

#### Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 20: 10 OGOS

PASARAN

## **MENYOROK?**

LUKAS 12:16-21

**M**enurut undang-undang, kita warganegara Malaysia, tetapi Alkitab memberitahu kita bahawa kewarganegaraan kita di syurga, dan kita semua adalah pelarian dan orang asing di dunia.

Ramai di kalangan kita yang mudah terpaut pada benda-benda di dunia kerana semua itu memenuaskan keinginan kita yang ingin berseronok, dan memenuhi kemahuan kita dengan serta-merta. Kita mengambil banyak masa dan tenaga untuk mengumpulkan harta yang kelihatannya amat menarik pada masa ini. Tetapi akhirnya, apabila ketidakpastian mulai nyata, gudang yang menyimpan benda yang paling baik pun akan musnah.

### Berdoalah

- Untuk kerelaan, keberanian dan ketataan ketika membuat pilihan yang menyenangkan hati Bapa kita.
- Agar kita benar-benar menggunakan masa untuk memuliakan Dia.

### Bertindaklah

Berfikirlah mengenai gudang yang mana satu yang anda masukkan pelaburan hari ini.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

Macau

Beberapa tahun yang lalu, Macau diberi gelar, "Macau, kota Allah, tiada lagi yang lebih setia!" Pada hari ini, kesetiaan Macau adalah kepada tuhan-tuhan palsu dan kecabulan manusia. Perjudian adalah industri utama kota ini. Meskipun Injil telah diberitakan selama hampir 200 tahun, hanya terdapat 3,000 orang beriman (kurang 1% penduduknya).

Berdoalah untuk suatu penembusan bagi penyelamatan jiwa.

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 21: 11 OGOS

Nota

## **SEMUA HARUS DATANG**

2 PETRUS 3:9

“**T**uhan tidak berlambat untuk melakukan apa yang sudah dijanjikan-Nya, meskipun beberapa orang berfikir demikian. Sebaliknya, Dia sabar terhadap kamu, kerana Dia tidak ingin sesiapa pun binasa. Dia mahu semua orang bertaubat daripada dosa.”

Adakah anda bersedia untuk kedatangan-Nya?  
Adakah anda rela menjadi sebahagian daripada  
rancangan Allah untuk menyelamatkan semua orang?

Berdoalah

- Pujilah Tuhan dan bersyukurlah kepada-Nya atas penyebaran Injil di seluruh dunia, dari Yerusalem hingga ke hujung dunia.
  - Untuk kepenuhan bilangan Orang Bukan Yahudi dan penyelamatan bagi orang Yahudi.
  - Agar Jemaah tidak letih melaksanakan pekerjaan misi.

## Bertindaklah

Merancanglah untuk melakukan lawatan misi tahun ini.

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI

### IMAN TANPA PERBUATAN ADALAH MATI

YAKOBUS 2.14-20

**K**ehilangan hak untuk masuk ke dalam hutan dan hak atas tanah mengakibatkan orang asli semakin bergantung kepada pekerjaan luar yang bergaji dan ekonomi berdasarkan wang untuk meneruskan hidup. Bagaimanapun, mereka tidak banyak pilihan kerja kerana pendidikan dan kemahiran mereka terhad.

“Pembalak telah menebang pokok durian dan pokok petai kami. Kami mahu hutan dibiarkan seperti sedia kala. Kami lebih suka tinggal dekat hutan, kerana kami tidak ada kemahiran untuk bekerja di luar kawasan kami. Kami tidak mahu menjadi pekerja estet (ladang) kerana kami pernah ditipu dalam hal gaji kami.”

Penghulu Yen dari Sungai Bersih (Dipetik di dalam buku oleh Man Yuke Foong dan Amanda Hoh berjudul *Living in Fear of Outsiders*, Ahad Star Julai 5, 1987.)

#### Berdoalah

- Bertaubat daripada sikap kurang prihatin terhadap keperluan OA ataupun sikap tidak memperhatikan masalah mereka kerana dianggap akibat kemalasan dan ketidakmahuhan mereka sendiri untuk berubah.
- Untuk hikmat bagi OA supaya dapat menangani perubahan yang berlaku di persekitaran mereka.
- Untuk JHEOA, agensi-agensi kerajaan yang lain, dan juga pertubuhan Kristian serta NGO yang lain; bagi beberapa cara dan program untuk membantu OA.

#### Bertindaklah

Hubungilah Malaysian CARE, dan Yayasan Kajian Masyarakat dan Pembangunan (yayasan NGO) untuk mengetahui lebih banyak tentang program pembangunan masyarakat bagi OA dan caranya anda dapat membantu.

Statistik yang dinyatakan oleh Pengarah JHEOA menunjukkan bahawa 80.8% Orang Asli hidup di bawah paras kemiskinan (berbanding 8.5% secara kebangsaan), dan daripada itu 49.9% adalah di kalangan yang sangat miskin (berbanding 2.5% secara kebangsaan).  
(The Star, 19.2.1997).

#### Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Perak: pernah menjadi negeri yang paling kaya semasa harga timah melambung tinggi, dan Ipoh dikenali sebagai kota jutawan.

Keadaannya tidak lagi seperti itu sejak harga timah sedunia menurun.

Keluasan: 21,005 kilometer persegi

Ibu kota: Ipoh

Rakyat [% of Kristian (2000): 3.1%]

Penduduk (2000): 2,051,236

Kaum etnik (2000): Melayu 51.4%, Bumiputera lain 2.3%, Cina 31.3%, India 12.8%, Kaum etnik lain 0.3%, Bukan Malaysia 1.9%

Agama (2000): Islam 53.9%, Kristian 3.1%, Hindu 11.0%, Buddha 24.0%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 5.9%, Agama suku/adat 0.6%, Agama lain 0.6%, Tiada agama 0.8%, Tidak diketahui 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 91.8% / 20 tahun & ke atas : 10.3%

Kadar kemiskinan (2002): 7.9%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullah-Lah

**Mentri Besar:** Datuk Seri Mohamad Tajol Rosli Ghazali

Selangor: negeri yang paling ramai penduduk, Lembah Klang adalah pusat industri yang besar, yang meliputi bandar Petaling Jaya, Shah Alam (ibu kotanya), Klang dan Pelabuhan Klang, pelabuhan nombor dua terbesar di Malaysia.

Keluasan: 7,960 kilometer persegi

Ibu kota: Shah Alam

Rakyat [% of Kristian (2000): 4.3%]

Penduduk (2000): 4,188,876

Kaum etnik (2000): Melayu 49.8%, Bumiputera lain 1.3%, Cina 29.4%, India 14.0%, Kaum etnik lain 1.1%, Bukan Malaysia 4.4%

Agama (2000): Islam 55.7%, Kristian 4.3%, Hindu 12.1%, Buddha 24.4%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 2.0%, Agama suku/adat 0.3%, Agama lain 0.4%, Tiada agama 0.5%, Tidak diketahui 0.4%

Kadar literasi (2000): 10 tahun dan ke atas: 95.6% / 20 tahun dan ke atas: 24.9%

Kadar kemiskinan (2002): 1.1%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj

**Mentri Besar:** Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo

Negeri Sembilan: negeri ini bertekad memajukan industri kerana pertaniannya sudah dimajukan dengan sepenuhnya.

Keluasan: 6,644 kilometer persegi

## Ibu kota: Seremban

Rakyat [% of Kristian (2000): 2.7%]

Penduduk (2000): 859,924

Kaum etnik (2000): Melayu 54.5%,  
Bumiputera lain 1.3%, Cina 24.6%,

Indian 15.4%, Kaum etnik lain 0.5%,  
Bukan Malaysia 3.7%

Agama (2000): Islam 58.6%, Kristian 2.7%, Hindu 13.9%, Buddha 20.3%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 3.0%, Agama suku/adat 0.6%, Agama lain 0.3%, Tiada agama 0.5%, Tidak diketahui 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 93.7% / 20 tahun & ke atas: 13.2%

Kadar kemiskinan (2002): 2.2%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia  
Yang Dipertuan Besar Tuanku  
Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul  
Rahman

## **Mentri Besar: Datuk Mohamad Hasan**

## Renungan

HARI 22: 12 OGOS

PERIBADI

**DI DALAM TANGAN-NYA**

MAZMUR 103:8-14

**S**etiap hari, bapa menanti kepulangan anak yang sesat (Lukas 15.20). Apabila dia akhirnya pulang, bapa menyambut dia dengan belas kasihan. Tiada lagi ruang untuk teguran yang keras. Jubah yang terindah yang dipakaikan padanya menunjukkan penerimaan dan restu bapanya. Demikian juga, tangan Bapa kita sentiasa terbuka, walau apapun keadaan kita. Kelakuan yang jahat menyediakan Dia, tetapi tidak menghalang-Nya untuk mengasihi kita kerana Dia penuh belas kasihan dan rahmat, tidak cepat murka dan kasih-Nya berkelimpahan.

**Berdoalah**

- Untuk pengampunan kerana menyediakan hati Bapa kita dalam apapun segi kehidupan.
- Untuk kemampuan menyambut keinginan-Nya bagi kita.
- Untuk apapun salah faham mengenai peribadi Allah agar diganti dengan pengertian yang betul: Dia tegas, tetapi berbelas kasihan.

**Bertindaklah**

Adakah anda mengenal seseorang yang jauh daripada Allah? Telefonlah atau lawatlah dia.

---

**40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa****Singapura**

Singapura ditubuhkan sebagai koloni perdagangan British pada 1819. Ia bergabung dengan Persekutuan Malaysia pada 1963 tetapi dua tahun kemudian, ia keluar dan menjadi negara tersendiri. Pada hari ini, dua negara ini bertelingkah atas isu-isu seperti pembekalan air tawar ke Singapura, kerja-kerja penebusgunaan tanah Singapura, pembinaan jambatan, sempadan maritim, dan Pulau Pedra Branca/Pulau Batu Putih. Berdoalah untuk kedua-dua negara ini agar mencapai persetujuan atas isu-isu tersebut.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

## HARI 23: 13 OGOS

## KELUARGA

**WARISAN**

MAZMUR 78:1-8

**A**pakah yang diingat oleh keluarga dan anak-anak kita tentang diri kita selepas kita meninggal? Kekayaan dan harta yang ditinggalkan mungkin saja diboroskan atau hilang. Lama-kelamaan, diri kita dan perbuatan kita akan dilupakan.

Keluarga adalah tempat di mana nilai-nilai yang mulia diturunkan dari satu generasi kepada generasi selanjutnya, untuk mentaati perintah Allah. Oleh itu, biarlah gaya hidup kita memberikan kesaksian tentang kekuatan dan keajaiban pekerjaan Bapa kita di syurga.

**Berdoalah**

- Akuilah masa-masanya kita turunkan nilai-nilai yang salah kepada anak-anak kita.
- Agar ada komitmen untuk meneruskan prinsip dan perintah Tuhan kepada anak-anak kita.
- Agar Tuhan memimpin dan menolong kita untuk mengikuti teladan Kristus, sehingga orang lain hanya melihat Kristus dinyatakan di dalam keluarga kita.

**Bertindaklah**

- Baca Filipi 2:1-11
- Kongsikan warisan yang berupa sifat yang mulia dalam sejarah Kristian kepada anak-anak / belia anda.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Thailand**

Ibu kotanya, Bangkok, merupakan ibu kota dosa di Asia, dengan industri seks sebanyak 100,000 orang pelacur lelaki dan 700,000 orang pelacur perempuan. Mungkin seramai 2 juta orang Thai djangkiti AIDS.

Jenayah, dadah dan alkohol juga sentiasa ada. Gereja Katolik sudah berada di sini selama 400 tahun, Protestan selama 175 tahun, namun hanya 1.6 peratus penduduknya yang beragama Kristian. Berdoalah agar Tuhan memberkati usaha hamba-hamba-Nya untuk menabur benih Firman-Nya di kalangan orang Thai.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

HARI 24: 14 OGOS

BELIA

## JADILAH SUCI

MAZMUR 119:9-11

**A**pabila kita menyerah kalah kepada tekanan kawan sebaya dan standard yang lebih rendah, kita mengikut mentaliti orang ramai.

Bagaimakah seorang pemuda menjaga kesucian hidupnya? Daniel, seorang pemuda, tidak bertolak ansur ataupun merendahkan standardnya seperti dunia. Oleh itu, dia direstui oleh Allah dan manusia.

Hari ini, kita menghadapi tekanan untuk minum minuman keras, merokok, dan merendahkan standard moral agar tidak ketinggalan dan bersikap ‘cool’ atau ‘terbilang’ dalam kumpulan. Seperti Daniel, janganlah kita menyerah kalah kepada tekanan dunia, tetapi jagalah agar hidup kita bersih menurut firman Tuhan, dan bertekad untuk melayani dengan cemerlang dan sungguh-sungguh!

### Berdoalah

- Untuk keinginan dan kerinduan terhadap Firman Tuhan.
- Untuk keberanian dan kekuatan melawan semua pencubaan dan untuk berdiri teguh di atas prinsip Tuhan.

### Bertindaklah

Ambillah masa ini untuk membuat komitmen supaya menjadi murni dan berdiri di atas apa yang benar kerana anda ingin menyenangkan hati Tuhan dan manusia.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

Japan

Kadar kematian bunuh diri menjulang tinggi: statistik global menunjukkan bahawa Mexico yang sangat miskin mempunyai kadar kematian bunuh diri yang paling rendah, hanya 3.4 kes bunuh diri daripada setiap 100,000 orang, sementara Jepun yang kaya, kadar kematian bunuh diri lebih enam kali ganda, iaitu 18.8!

Ruangan bersempang dan laman web membantu kaum belia yang mengalami tekanan jiwa untuk mendapatkan cara yang paling mudah untuk membunuh diri, dan juga berhubung dengan orang lain dalam pakatan membunuh diri secara berkumpulan. Doakan generasi muda Jepun yang sangat mendambakan pengharapan dan tujuan hidup!

Nota

HARI 25: 15 OGOS

GEREJA

**TANPA CACAT**

EFESUS 5:25-27

Jemaah mesti mengetahui isi hati Bapa: Jemaah dikhususkan untuk menjadi milik Kristus selama-lamanya. Sebagai Pengantin Kristus, dengan semangat Jemaah sedang membuat persiapan bagi perkahwinan Anak Domba apabila Dia mempersesembahkan Jemaah kepada Diri-Nya sendiri dalam segala kemuliaan, suci dan tanpa cela.

Kristus mencerahkan darah-Nya agar Dia boleh menyucikan Jemaah.

**Berdoalah**

- Agar Jemaah menyerahkan hidupnya dan mengabdi kepada Tuhan.
- Agar kita tetap setia dan taat kepada panggilan-Nya dan tidak menyeleweng.

**Bertindaklah**

Mohonlah kepada Tuhan untuk menyinarkan suluh ilahi-Nya ke dalam hati kita. Mohonlah agar Dia mencipta di dalam kita hati yang murni dan roh yang teguh.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Taiwan**

Pengejaran akan kekayaan di negara ini telah melalikan hati untuk mengenal Tuhan. Hanya 1% daripada 22 juta penduduk Taiwan yang menjadi Kristian, dan kebanyakannya tinggal di kota-kota besar seperti Taipei. Banyak pekan di luar bandar tidak pernah ditembusi oleh Injil. Kawasan-kawasan ini sukar sekali dijangkau dan penduduknya bertekad untuk menolak orang asing yang cuba membawa mereka menganut agama lain. Berdoalah kepada Tuhan untuk membuka pintu penginjilan ke tempat-tempat tersebut.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 26: 16 OGOS PEMERINTAH

**PEMBELA ORANG LEMAH**

MAZMUR 82

**P**ada 10 September, 2004, Perdana Menteri melancarkan empat strategi Bajet 2005. Salah satu strateginya adalah memastikan ‘kebajikan rakyat melalui peningkatan kualiti kehidupan.’ Antara lain penerimanya adalah golongan miskin di negara ini. Antara keputusan yang diambil adalah (New StraitsTimes):

- RM94.2 juta diasingkan untuk bantuan perumahan, untuk meningkatkan pendapatan, program makanan berkhasiat, pengembangan intelek manusia, pelatihan dan pendidikan golongan yang termiskin.
- RM205 juta skim baucer tuisyen untuk anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah.
- RM77.3 juta diasingkan untuk meningkatkan mata pencarian 147,500 Orang Asli.

**Berdoalah**

- Untuk pengagihan dana dengan adil dan mengikut peraturan.
- Untuk pelaksanaannya dengan bijak dan pengurusan yang baik.
- Agar rakyat menjadi rakan agensi kerajaan untuk menolong golongan miskin.

**Bertindaklah**

Bentuklah satu kumpulan dari gereja anda untuk melayani di rumah anak yatim, rumah orang tua, pusat pemulihian, dsb.

---

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa**Timur Timor**

Selepas 2 ½ tahun pemerintahan peralihan di bawah PBB, yang diawali oleh 24 tahun penjajahan yang kejam di bawah Indonesia, dan lebih 400 tahun dijajah oleh Portugis, akhirnya Timur Timor menjadi negara merdeka, yang memerintah sendiri pada 20 Mei 2002. Namun, negara itu telah dirosakkan dan dimusnahkan oleh peperangan yang bertahun-tahun lamanya. Berdoalah untuk hikmat daripada Tuhan bagi Presiden Xanana Gusmao untuk memerintah negara baru ini, yang 92% daripada penduduknya adalah Katolik.

**Nota**

---

---

---

---

---

HARI 27: 17 OGOS

PASARAN

**KEBOLEHPERCAYAAN**

AMSLA 10: 9; 11:1

**A**dakah anda dipaksa berbohong di tempat kerja untuk mendapat keuntungan yang lebih? Adakah anda memberi rasuah untuk mendapat kelulusan lesen? Adakah anda dalam kedudukan di mana anda memilih untuk melawan suara hati dan menyerah kepada pelanggan atau tuntutan pembekal yang tidak beretika?

Dato' George Ting, yang berperanan penting dalam pengembangan rangkaian restoran KFC di Malaysia dan Singapura, adalah seorang yang telah memilih untuk berdiri teguh di atas prinsip-prinsip Allah dalam urusan bisnesnya. Dia tahu dia akan membayar penalti kerana menentang rasuah dan tuntutan yang tidak sihat (Ethix, Nov/Dis 2004), namun dia tetap berpegang kepada prinsip-prinsip Tuhan kerana dia mahu menyenangkan hati Bapa di syurga.

**Berdoalah**

- Agar ada hikmat dan keberanian untuk berpegang teguh pada prinsip Tuhan di tempat kerja atau bisnes.
- Agar ada kebolehpercayaan dan kejujuran untuk menjadi “pengawal” (Mazmur 25.21).

**Bertindaklah**

Berkongsi dengan seseorang di tempat kerja bagaimana Tuhan menolong anda mengatasi pencubaan apabila ada peluang untuk menyerah kalah.

---

**40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa****Iran**

Iran adalah nama moden untuk Persia. Di sini lah Ester dan Mordekhai berjuang untuk menyelamatkan bangsa mereka, dan Daniel menghadapi lubang singa. Pada zaman kita, ramai Daniel moden seperti **Mehdi Dibaj**, **Haik Hosvepian** dan **Tateos Michaelian** telah mengambil pilihan yang sama, tetapi membayarnya dengan hidup mereka.

Berdoalah agar darah mereka tidak dicurahkan dengan sia-sia, melainkan menghasilkan tuaian jiwa.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 28: 18 OGOS

KAUM

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## KEMBALILAH

HOSEA 6:1-3

**K**ecurigaan dan ketidakpercayaan yang tersebar luas mengarah kepada kemurtadan dan sikap tidak peduli terhadap perkara rohani. Apabila kita melihat kejahatan melanda negara kita (mis. Kekejaman, rogol, pembunuhan, dan sikap tidak peduli), janganlah kita berasa putus asa kerana Bapa kita telah berjanji untuk memberikan penyembuhan, kebangunan semula dan pemulihan. Marilah terus mengongsikan Firman-Nya agar orang mengenal Tuhan.

### Berdoalah

- Untuk orang yang sudah mundur iman agar kembali kepada Tuhan.
- Untuk semua orang yang melalui pencubaan dan pengujian, agar mereka tetap setia.
- Untuk orang yang keras hati agar mengalami kebangunan rohani.
- Untuk semua perhimpunan doa kebangsaan yang akan berlangsung pada 26-31 Ogos.
- Terutamanya untuk pengkhutbah konferensi kebangsaan:

Rev. Dr Xiao Wan (China) 23-25 Ogos.

Pr. Peter Tsukahira & Pr. Djohan Handojo (English)  
25-27 Ogos.

Rev. Rachmat T. Manullang (BM) 29-31 Ogos.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

### Bertindaklah

Bacalah dan doakan tajuk-tajuk utama surat khabar hari ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI BIARLAH KEADILAN MENGALIR SEPERTI SUNGAI

AMOS 5.21-24; YEREMIA 22.16; AMSAL 21.13, 29.14

**R**amai yang memohon restu daripada penguasa, tetapi keadilan hanya datang daripada TUHAN. (Amsal 29.26). Kebanyakan, kalau bukan semua, yang melayani di kalangan OA harus menangani isu-isu yang di luar pengalaman anggota gereja di bandar. Tidak lama, mereka akan biasa dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau JHEOA, Akta Orang Asli 1954, Pejabat Tanah Daerah, dan mungkin juga Jabatan Hutan. Inilah beberapa penguasa yang mempengaruhi secara langsung atau tidak langsung kehidupan OA.

Haruskah kita bertindak atau bersuara hanya ketika hal itu menyentuh Gereja secara langsung (seperti hal gereja diroboh)? Haruskah kita terus menikmati kemakmuran negara kita tanpa memikirkan hal OA yang ketinggalan jauh di belakang?

### Berdoalah

- Tanyalah “Apakah yang dilakukan oleh Yesus?”
- Rasa takut akan diganti oleh keberanian daripada Tuhan.

### Bertindaklah

- Bacalah Fasal 9, *Orang Asli: The Aboriginal Peoples of Peninsular Malaysia in “Doing The Right Thing: A Practical Guide on Legal Matters for Churches in Malaysia”*, diterbitkan oleh Kairos Research Centre Sdn. Bhd. (2004)

Pastor A tidak merancang pergi ke kampung Orang Asli pada hari itu, tetapi dia pergi juga untuk menghantar barang ke sana.

Dia berangkat tanpa tahu apa-apa hal yang sedang berlaku.

Bayangkan betapa terkejutnya dia apabila sampai, dia melihat gereja yang baru dibina sedang dirobohkan!

Perkara ini berlaku seminggu sebelum pentahbisan bangunan tersebut. Jika anda dalam keadaan itu, kira-kira apakah yang anda lakukan?

### Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Melaka: perindustrian negeri ini semakin pesat dan juga dikenali kerana sejarahnya serta peninggalan penjajahnya pada masa lampau.

Keluasan: 1,652 kilometer persegi

Ibu kota: Bandar Melaka

Rakyat [% of Kristian (2000): 3.9%]

Penduduk (2000): 635,791

Kaum etnik (2000): Melayu 60.4%, Bumiputera lain 1.1%, Cina 28.0%, India 6.3%, Kaum etnik lain 0.6%, Bukan Malaysia 3.6%

Agama (2000): Islam 64.2%, Kristian 3.9%, Hindu 5.6%, Buddha 24.1%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 0.1%, Agama lain 0.2%, Tiada agama 0.4%, Tidak diketahui 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 92.4% / 20 tahun & ke atas: 13.7%

Kadar kemiskinan (2002): 2.7%

**Ketua Negeri:** Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Syed Ahmad Alhaj Syed Mahmud Shahabuddin

**Ketua Menteri:** Datuk Seri Mohd Ali Rustam

Johor: negeri pertanian yang utama, khususnya getah, kelapa sawit dan nanas.

Keluasan: 18,987 kilometer persegi

Ibu kota: Johor Bahru

Rakyat [% of Kristian (2000): 2.2%]

Penduduk (2000): 2,740,625

Kaum etnik (2000): Melayu 52.6%, Bumiputera lain 1.3%, Cina 33.4%, Indian 6.6%, Kaum etnik lain 0.6%, Bukan Malaysia 5.5%

Agama (2000): Islam 58.8%, Kristian 2.2%, Hindu 5.9%, Buddha 28.7%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 3.2%, Agama suku/adat 0.2%, Agama lain 0.2%, Tiada agama 0.4%, Tidak diketahui 0.3%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 93.3% / 20 tahun & ke atas: 11.6%

Kadar kemiskinan (2002): 1.8%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmood Iskandar Al-Haj Ibni Al-Marhum Sultan Ismail

**Mentri Besar:** Datuk Abdul Ghani Othman Ahmad Zahri Jamil

Pahang: kaya dengan sumber-sumber semulajadi. Kira-kira dua pertiga negeri diliputi hutan tropika yang tebal.

Keluasan: 35,965 kilometer persegi

Ibu kota: Kuantan

Rakyat [% of Kristian (2000): 1.2%]

Penduduk (2000): 1,288,376

Kaum etnik (2000): Melayu 68.8%,  
Bumiputera lain 4.7%, Cina 16.9%,  
India 4.8%, Kaum etnik lain 0.5%,  
Bukan Malaysia 4.3%

Agama (2000): Islam 73.8%, Kristian 1.2%, Hindu 4.4%, Buddha 13.7%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 2.5%, Agama suku/adat 3.4%, Agama lain 0.2%, Tiada agama 0.8%, Tidak diketahui 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas : 92.2% / 20 tahun & ke atas: 11.7%

Kadar kemiskinan (2002): 3.8%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha  
Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-  
Musta'in Billah Ibni Al-Marhum  
Sultan Abu Bakar Ri'yatuddin Al-  
Mu'zzam Shah

## **Mentri Besar: Datuk Seri Adnan Yaakob**

## Renungan

HARI 29: 19 OGOS

PERIBADI

## KESUKAAN TERHADAP HIDUP ANDA

LUKAS 15:8-10

**B**u bapa gembira melihat anak mereka mengambil langkah yang pertama, tumbuh gigi pertama atau percubaan pertamanya untuk menyebut “mama” atau “papa.” Bapa kita di syurga juga gembira melihat kita datang kepada-Nya pada kali yang pertama, dan mengakui Dia sebagai Abba Bapa. Dia memang mahu menyediakan kecukupan untuk kita. Dia gembira kerana kita dan ingin memakmurkan kita secara fizikal, mental, emosi dan rohani. Marilah terus berdekat kepada-Nya dan melakukan perkara yang menyenangkan hati-Nya.

### Berdoalah

- Agar kita memilih untuk mengakui hadirat Tuhan di mana saja kita berada dan apapun yang kita lakukan: Semoga perbuatan kita menyenangkan hati-Nya.
- Agar kita terus gembira kerana disukai oleh-Nya meskipun di tengah-tengah pengujian.

### Bertindaklah

Renungkan Mazmur 131.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Pakistan

Hukum Kufur mensyaratkan bahawa sesiapa yang ‘dengan kata-kata, sama ada diucapkan atau ditulis, atau dengan lambang yang kelihatan, atau oleh apapun tuduhan, sindiran, atau ejekan, secara langsung atau tidak langsung’ yang menghina nama Nabi Mohammad, akan dijatuhi hukuman mati. Kumpulan pelampau terus-menerus menyalahgunakan hukum ini dengan menuduh golongan minoriti melakukan perbuatan kufur dan mengancam para hakim untuk mengisyiharkan mereka bersalah walaupun tiada bukti. Berdoalah agar ada keadilan bagi mereka yang tertuduh.

Nota

---

---

---

---

---

HARI 30: 20 OGOS

KELUARGA

**KESUKAAN UNTUK MAKMUR**

ULANGAN 30:1-6

**B**apa kita suka untuk memberkati dan memakmurkan kita. Bagaimanapun, kita tidak akan menikmati ‘kesukaan untuk makmur’ daripada-Nya jika kita tidak memahami dan mengamalkan prinsip asas: taatilah Dia dengan segenap hati, akal dan jiwa kita, menurut segala yang diperintahkan-Nya kepada kita.

Walau bagaimanapun keadaan kita, pengharapan kita adalah Tuhan. Bahkan orang kaya pun diberitahu “supaya mereka jangan sombong dan jangan berharap kepada barang-barang yang tidak tetap — seperti halnya dengan kekayaan. Mereka harus berharap kepada Allah yang memberikan segala sesuatu kepada kita dengan berlimpah supaya kita menikmatinya” (I Timotius 6.17).

**Berdoalah**

- Agar kita membuat keputusan selaras dengan prinsip gaya hidup yang sederhana dan puas, yang berbeza dengan hidup yang suka kebendaan.
- Agar kita mendapat peluang untuk melayani orang yang ada keperluan, miskin dan yang terpinggir.

**Bertindaklah**

Rayakan sukacita Tuhan bersama dengan satu keluarga lain (mis. Berkelah, makan bersama, dsb.)

---

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa**Oman**

Oman telah melalui perubahan dan pembangunan yang pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Rakyat Oman menjadi lebih berpendidikan dan budaya mereka menjadi lebih terbuka kepada dunia luar. Berdoalah agar perubahan ini menghasilkan keterbukaan baru kepada berita baik Yesus. Berdoalah khususnya, agar Tuhan membangkitkan ramai lagi orang yang percaya kepada Yesus dari kalangan penduduk tempatan.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 31:21 OGOS BELIA

## KESUKAAN UNTUK MENJADI TELADAN

2 TIMOTIUS 2:2

**S**eorang bapa yang bijak, yang melihat dan mencontohi Kristus, akan membuat anak-anaknya gembira untuk mengikut teladannya. Ramai pemuda-pemudi memperhatikan orang dewasa untuk mendapat rahsianya menjalani hidup dengan baik. Jika mereka diabaikan, mereka akan diajar oleh dunia dan menjadi ‘generasi tidak berbapa’ yang dibiarkan terlantar tanpa tujuan dan teladan rohani.

### Berdoalah

- Untuk kesembuhan perasaan terluka atau yang tidak mengampuni.
- Untuk kerelaan dan kerendahan hati untuk diajar.
- Untuk generasi yang lebih tua supaya bertaubat daripada kegagalan menjadi contoh yang baik.
- Untuk bapa, pemimpin, dan teladan rohani supaya memikul tanggungjawab melatih dan membimbing kaum belia.

### Bertindaklah

- Berusahalah untuk berdamai dengan bapa/ibu, bapa rohani, pastor, pemimpin gereja, atau guru yang telah mengecewakan anda.
- Dekatilah dan beritahulah orang yang berpegang kepada nilai-nilai Kristian yang mulia, bahawa anda ingin dilatih oleh mereka.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

Lebanon

Negara ini unik di antara semua negara Arab yang lain. Di sini, presiden mestì seorang **Kristian Maronit**, Perdana Menteri seorang **Islam Sunní**, dan presiden Persidangan Kebangsaan seorang **Islam Shi'a**. Orang Islam yang mahu tukar agama pun dibenarkan oleh undang-undang tetapi akibat sosialnya masih mencabar.

Berdoalah untuk Jemaah supaya menjadi pusat yang penting untuk melaksanakan pelayanan kepada negara-negara Arab, dan supaya Jemaah tidak pupus kerana pencubaan berhijrah ke negara Barat untuk kehidupan yang lebih baik.

Nota

HARI 32: 22 OGOS

JEMAAH

## KESUKAAN DALAM BELAS KASIHAN

MIKHA 7.18-19

**P**erhubungan antara Bapa dan Jemaah adalah berdasarkan perjanjian kasih. Ia merupakan kasih yang tidak berubah, yang berlimpah dalam belas kasihan. Ada kesukaan Bapa kita dalam belas kasihan, sementara Jemaah dengan bersemangat mentaati dan menyerah penuh kepada-Nya, sambil menyatakan kasih-Nya untuk manusia.

### Berdoalah

- Agar kasih kita untuk Bapa bukan munafik.
- Agar hati kita tetap lembut di hadapan Allah.
- Agar orang beriman mengetepikan perbezaan, kerana memiliki hati yang penuh kasih, belas kasihan dan keadilan.

### Bertindaklah

Jadilah pembela yang berbelas kasihan terhadap hak asasi manusia dan tentangkah ketidakadilan apabila ada peluang.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

### Mesir

Jemaah sudah wujud di sini selama 2000 tahun, dan mereka merupakan penduduk Kristian yang paling besar di Timur Tengah. Bulan Mac lalu, suatu konferensi doa yang bersejarah telah diadakan di Aleksandria, di mana ribuan orang berkumpul untuk berpuasa dan berdoa agar Roh Kudus bergerak dengan kuat di seluruh Mesir dan di Timur Tengah.

Berdoalah agar “TUHAN akan menyatakan diri kepada bangsa Mesir, dan mereka akan mengenal dan menyembah Dia” (Yesaya 19.21).

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 33: 23 OGOS

PEMERINTAH

## KESUKAAN UNTUK BERLEMBUT

YUNUS 3:1-10

**P**uji Tuhan atas belas kasihan-Nya sehingga Malaysia tidak mengalami kerugian yang terlalu parah akibat bencana baru-baru ini, misalnya, Bencana tsunami, banjir, dsb. Kesukaan Bapa untuk berlembut berasal daripada belas kasihan dan kasih-Nya kepada bangsa dan negara. Bagaimanapun, Jemaah tidak seharusnya mengambil ringan kesukaan-Nya, melainkan mengenal keperluan yang mendesak untuk berjaga-jaga dan memberi amaran, untuk memperhatikan panggilan-Nya agar bangsa akan percaya.

Berdoalah

- Untuk rancangan pemerintah menyediakan sistem amaran bencana.
- Agar di kalangan pemerintah di rantau ini, ada perkongsian maklumat yang berkesan dan kerjasama menjaga keselamatan dan kebajikan negara-negara serantau.
- Agar Jemaah terus bangkit sebagai pengantara dengan menuuhkan doa 24-jam di setiap negeri.

Bertindaklah

Jika anda belum mendaftar untuk menyertai **Berdoa 24-Jam**, mengapa tidak mendaftar hari ini? Log masuk [www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

Iraq

Selepas perang, keadaan orang Kristian di sini menjadi lebih buruk kerana penindasan secara sosial dan agama oleh beberapa kumpulan kecil pelampau.

Akibatnya, ramai orang Kristian berhijrah dan jemaah bersembunyi, kerana berusaha tidak menarik perhatian.

Kadang-kadang, jemaah akan berkembang apabila ditekan, tetapi tidaklah jelas sama ada hal itu berlaku (atau akan berlaku) di Iraq.

Berdoalah untuk Jemaah agar tetap berdiri teguh dan tetap tinggal untuk berjuang demi Injil di negara mereka, dan tidak berangkat untuk melarikan diri.

Nota

---

---

---

---

---

HARI 34: 24 OGOS

PASARAN

## KESUKAAN MEMBERI

LUKAS 10:25-37

**F**alsafah hidup apakah yang kita amalkan? Apakah sikap kita terhadap apa yang kita punyai?

Terhadap milik imam, milik orang Lewi atau milik orang Samaria? Tindak balas kita terhadap keperluan orang lain menunjukkan sikap kita. Adakah kita boleh menonjol seperti orang Samaria dalam pemikiran dan tindakan, “Apa yang ada pada saya adalah milik anda jika anda memerlukannya”?

Pada amnya, orang Malaysia murah hati dan memberi respon apabila ada keperluan. Apabila orang Kristian, yang merupakan garam dan terang di tempat kerja, cepat bertindak semasa ada keperluan, maka ‘kesukaan memberi’ daripada Bapa bersinar melalui kita.

### Berdoalah

- Kita gembira memberikan masa, kekayaan dan diri kita kerana Allah sudah memakmurkan kita.
- Untuk orang Kristian supaya memberi respon semasa ada krisis dan menjadi orang pertama yang bertindak bagi kemuliaan Tuhan.

### Bertindaklah

Renungkanlah ayat-ayat ini: Memberi dengan percuma dan menjadi lebih kaya adalah mungkin, tetapi orang yang kedekut akan kehilangan segala-galanya. Orang yang bermurah hati akan makmur dan berpuas hati; orang yang menyegarkan orang lain akan disegarkan juga. (Amsal 11.24-25)

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

### Tanah Suci

Orang Palestin prihatin terutamanya terhadap **keadilan**. Mereka merasa bahawa ketidakadilan telah dilakukan terhadap mereka oleh perintah berkunung, serangan, rampasan tanah mereka, Tembok baru dan penempatan orang Yahudi. Orang Yahudi prihatin terutamanya terhadap **keselamatan**. Mereka merasa amat tidak selamat kerana pengalaman mereka dalam sejarah (mis. Holocaust/ Kemusnahan), pengeboman oleh orang berani mati dan ancaman dari beberapa negara Arab yang mahu memusnahkan Israel. Berdoalah agar kedua-dua pihak ini mendapat jawapan dalam YESUS!

Nota



HARI 35: 25 OGOS KAUM

Nota

**KESUKAAN MEMERINTAH**

MAZMUR 22:27-28

**P**emerintah di bumi memerintah bangsa-bangsa, tetapi kesukaan Allah untuk memerintah tidak boleh diketepikan kerana kekuasaan adalah milik-Nya sendiri. Untuk kembali kepada Bapa dan memenuhi kesukaan-Nya, bangsa-bangsa mesti mengakui pemerintah yang tertinggi: Tuhan memerintah!

**Berdoalah**

- Untuk negara-negara yang diperintah oleh pemerintah yang menindas, yang menutup pintu terhadap Injil dan menghina hak asasi manusia.
- Mohon kepada Bapa kita untuk mengembalikan bangsa-bangsa dan kaum kepada kesukaan-Nya.
- Agar pemerintah dan pemimpin menjadi seperti Raja Kores, yang boleh digunakan oleh Tuhan untuk rancangan-Nya.

**Bertindaklah**

Berdoalah dengan sungguh-sungguh untuk bangsa-bangsa yang tertutup terhadap Injil dan isytiharkan ‘pintu terbuka’ bagi mereka pada hari ini.

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI MENEMPATKAN ANDA DI TEMPAT TINGGI

### ULANGAN 28.1-13

**L**isah Che'Mat, seorang wanita Semai, adalah peguam OA yang pertama, dan kini seorang majistret. Dia seorang contoh yang baik, tetapi kisah kejayaan seperti ini terlalu sedikit.

L, seorang wanita Semai yang berumur dalam awal 20-an, lancar bertutur dalam Bahasa Melayu. Bagaimanapun, apabila disuruh mengisi satu borang yang sederhana, dia tidak melakukan apa-apa. L tidak pernah pergi ke sekolah. Lima orang adiknya pun tidak pernah bersekolah, meskipun kampung mereka bukan di pedalaman.

“Terlalu ramai murid OA berhenti bersekolah” kata satu laporan baru-baru ini. Fenomena berhenti sekolah dalam bilangan yang besar biasanya dianggap akibat sikap masyarakat OA, terutama ibu bapa, yang “gagal melihat kepentingan pendidikan untuk masa depan anak-anak mereka”.

#### Berdoalah

- Agar para penggubal polisi mempunyai hikmat untuk memahami keadaan apabila mereka mengkaji penyebab pencapaian rendah masyarakat OA dalam bidang pendidikan, lalu merancang langkah-langkah yang tepat yang harus diambil.

#### Bertindaklah

- Fahamilah orang yang tidak boleh membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris dan BM.
- Bacalah Alkitab dalam terjemahan BM atau Indonesia semasa renungan harian anda pada minggu ini (untuk anda yang biasanya menggunakan bahasa lain).
- Hadirilah kebaktian yang menggunakan bahasa yang anda tidak gunakan dalam pembacaan atau penulisan.

Rajah berikut menunjukkan berapa ramai murid yang berhenti sekolah sebelum masuk ke Sekolah Menengah.

Tahun	Bilangan anak-anak OA yang masuk Sekolah Rendah	Menengah
2003	23,607	6,675
2004	25,354	7,559

Sumber: JHEOA

Nota

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Terengganu: negeri yang paling berciri Melayu di antara semua negeri. Walaupun ia merupakan negeri yang paling kurang dimajukan di semenanjung, namun penemuan minyak dan gas di pesisir pantainya mengubah lanskapnya dengan amat dramatik.

Keluasan: 12,955 kilometer persegi

Ibu kota: Kuala Terengganu

Rakyat [% of Kristian (2000): 0.3%]

Penduduk (2000): 898,825

Kaum etnik (2000): Melayu 94.8%, Bumiputera lain 0.3%, Cina 2.7%, India 0.2%, Kaum etnik lain 0.2%, Bukan Malaysia 1.8%

Agama (2000): Islam 96.9%, Kristian 0.3%, Hindu 0.2%, Buddha 2.4%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 0.1%, Tiada agama 0.1%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 89.5% / 20 tahun & ke atas: 15.4%

Kadar kemiskinan (2002): 10.7%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah

**Mentri Besar:** Dato' Idris Jusoh

Kelantan: mempunyai peratusan Melayu yang paling tinggi yang menjadi petani padi dan tembakau, dan nelayan.

Keluasan: 15,024 kilometer persegi

Ibu kota: Kota Bharu

Rakyat [% of Kristian (2000): 0.2%]

Penduduk (2000): 1,313,014

Kaum etnik (2000): Melayu 92.7%, Bumiputera lain 0.8%, Cina 3.7%, India 0.3%, Kaum etnik lain 0.9%, Bukan Malaysia 1.6%

Agama (2000): Islam 94.5%, Kristian 0.2%, Hindu 0.2%, Buddha 4.4%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 0.1%, Agama suku/adat 0.5%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 85.8% / 20 tahun & ke atas: 15%

Kadar kemiskinan (2002): 12.4%

**Ketua Negeri:** Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra ibni Almarhum Sultan Yahya Petra

**Mentri Besar:** Datuk Abdul Aziz Nik Mat

## Renungan

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 36: 26 OGOS

PERIBADI

**DIWARISI**

ROMANS 8:12-17

**D**alam kebanyakan keluarga, anak adalah pewaris harta ibu bapa (mis. Rumah, harta tanah, dsb.) dan saudara kandungnya adalah rakan-waris. Demikian juga, sebagai anak-anak Tuhan, orang Kristian juga adalah waris Tuhan dan rakan-waris Kristus, serta menerima semua berkat rohani pada masa ini dan menikmati kekayaan kerajaan Tuhan bersama-sama Dia pada masa akan datang. Tanggungjawab kita hari ini adalah untuk hidup setiap hari dalam pimpinan dan kuasa Roh Kudus.

**Berdoalah**

- Akuilah dan bertaubatlah daripada apapun pilihan kita yang diperhamba oleh dosa.
- Agar kita menerapkan kepenuhan berkat-Nya dan menebus masa dengan menggunakan setiap kesempatan.

**Bertindaklah**

Makanlah bersama-sama seseorang hari ini.

---

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Palestín**

Orang beriman keturunan Arab sering merasa dilupakan, dibiarakan terlantar dan tidak diakui oleh sesama Kristian di luar negara, yang kelihatannya hanya mempunyai hati yang terbuka untuk menyokong negara Yahudi dan/atau orang Yahudi yang percaya kepada Mesias, tanpa menyedari bahawa di pihak Arab, ada sebahagian tubuh Kristus yang menderita.

Berdoalah untuk orang beriman tersebut agar mereka mengetahui bahawa Tuhan juga mengasihi dan memberkatí Ismael!

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 37: 27 OGOS

KELUARGA

**PERJANJIAN**

YOSUA 24:15

**D**i pertemuan terakhir di Sekhem, umat Israel dikumpulkan oleh Yosua untuk mengesahkan perhubungan yang berdasarkan perjanjian dengan Tuhan. Dia mengingatkan mereka akan semua berkat Tuhan yang telah dicurahkan kepada mereka, kerana Dia setia kepada janji-janji-Nya. Yosua mencabar mereka untuk membuat pilihan dan dia menjadikan dirinya sendiri serta keluarganya sebagai contoh yang memilih untuk melayani Tuhan sahaja.

Pada hari ini, sebagai umat Tuhan yang termasuk dalam perjanjian melalui Kristus Yesus, marilah memperhatikan berkat-berkat Bapa dan dengan berani mengisyiharkan “Tetapi kami — saya dan keluarga saya — akan mengabdi hanya kepada TUHAN.”

**Berdoalah**

- Akuilah, sekiranya kita kurang mendengar dan mengambil jalan mudah dengan bersandar kepada orang lain.
- Bertaubatlah, sekiranya kita telah berusaha menyenangkan orang daripada Tuhan.
- Agar Tuhan terus membina anda dan keluarga untuk kemuliaan-Nya.

**Bertindaklah**

Renungkan berkat-berkat Tuhan dan baharuilah perhubungan yang berdasarkan perjanjian dengan Dia pada hari ini.

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Siria**

Di satu seksyen purba ibu kotanya, iaitu Damascus, anda boleh melawat rumah Ananias yang dengan takut tetapi patuh berangkat untuk membuka mata Saulus yang terkenal. Tetapi pada hari ini, kebanyakannya yang telah dicapai oleh penjangkauan Paulus dan para rasul, sudah hilang. Siria merupakan negara yang lapar dan haus akan Injil. Berdoalah agar Tuhan membuka mata orang Siria untuk melihat penyelamatan-Nya.

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 38: 28 OGOS

BELIA

**DIBAHARUI**

2 TIMOTIUS 3:14-17

**R**amai orang Kristian muda di Malaysia merupakan generasi kedua Kristian, yang tidak mengalami pertemuan peribadi dengan Tuhan. Kebanyakan mereka menghadiri gereja kerana diwajibkan ataupun dipaksa oleh ibu bapa. Orang dewasa muda cenderung bekerja lama dan menjalani gaya hidup yang sibuk. Perhubungan mereka dengan Tuhan menjadi sesuatu yang hanya di permukaan, bahkan kadang-kadang suatu kemunafikan.

Kita hanya boleh dibaharui dengan sepenuhnya dan menerima berkat daripada Bapa apabila kita mula melihat diri kita sendiri dengan penilaian yang waras dan jujur.

**Berdoalah**

- Untuk pertemuan dengan Kristus serta perhubungan peribadi yang dibaharui dengan Dia.
- Untuk api yang dinyalakan semula dan semangat yang berkobar-kobar bagi Tuhan.

**Bertindaklah**

Renungkan I Yohanes 2:15-17. Bertekadlah untuk mengenal Tuhan dan jalan-Nya serta melayani Dia dengan sungguh-sungguh.

---

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Afghanistan**

Negara ini adalah pengeluar candu yang terbesar dan menjadi 40% daripada jumlah hasil produk domestik negara itu. Pada masa ini, ada program yang mendapat pembiayaan antarabangsa yang sedang memusnahkan ladang-ladang candu, tetapi mungkin ini akan melemahkan ekonomi dan menghancurkan keluarga yang sudah sedia miskin. Bagaimanapun, ada juga satu cadangan antarabangsa untuk membenarkan penanaman candu Afghan untuk dijadikan ubat pelali yang dikawal oleh pihak perubatan. Berdoalah agar ada kebjaksanaan bagi semua yang terlibat untuk melaksanakan kehendak Tuhan bagi negara ini.

Nota

---

---

---

---

HARI 39: 29 OGOS

JEMAAH

**DITERUSKAN**

2 RAJA-RAJA 2:2-12

**P**erhubungan yang intim dinyatakan dengan jelas apabila Elisa berseru, ‘Ya bapa, bapaku’ apabila dia melihat Elia diangkat ke syurga oleh kereta kuda yang berapi. Pada saat itu juga, dua ganda roh Elia diturunkan kepadanya sebagaimana yang dimohon.

Jemaah diberkati oleh guru dan cendekiawan yang baik. Bagaimanapun, untuk meneruskan berkat Bapa kita di syurga, Jemaah mesti mengakui dan memberikan perakuan yang wajar terhadap bapa-bapa rohaninya.

**Berdoalah**

- Untuk para bapa rohani supaya muncul daripada tempat yang tersembunyi dan dikenali.
- Agar para pemimpin rela membebaskan generasi muda untuk memenuhi panggilan mereka.
- Agar ada perancangan pelatihan yang berjaya di gereja-gereja tempatan.

**Bertindaklah**

Mohonlah kepada Tuhan untuk memberi anda hati seperti hati-Nya terhadap orang beriman dari golongan belia di dalam gereja anda, untuk menolong mereka bertumbuh dengan baik secara rohani.

---

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa**Yemen**

Kota-kota besar yang dahulunya diperintah oleh Ratu Syeba, yang bertukar ufti dengan Raja Salomo, ditutupi pasir gurun Yemen. Negara ini adalah salah satu negara yang paling kurang diunjili di dunia, dan pemerintah tidak membenarkan orang Kristian yang sedikit, yang tinggal di sana, untuk bersaksi. Bagaimanapun, beberapa orang Kristian dari negara luar bersaksi untuk Kristus secara diam-diam. Berdoalah untuk orang Yemen, agar mereka, seperti Ratu itu, akan dapat mencari Hikmat dalam Yesus Kristus!

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

HARI 40: 30 OGOS

PEMERINTAH

**DITEBUS**

DANIEL 6:25-28

**A**pabila mengetahui bahawa Daniel telah dibebaskan dari lubang singa, Raja Darius menyaksikan kebenaran iman kepada Tuhan yang sejati dan hidup, dan kuasa-Nya untuk mengawal segala keadaan. Lalu dia mengisyiharkan bahawa semua kaum, bangsa, dan orang dari setiap bahasa, yang berada di bawah pemerintahannya, mesti takut dan hormat kepada Tuhan yang disembah oleh Daniel.

Jemaah memainkan peranan yang penting dalam tujuan penebusan Tuhan untuk Malaysia. Marilah terus menjadi saksi kepada kuasa Allah agar Malaysia menjadi berkat kepada bangsa-bangsa lain di sekitar.

**Berdoalah**

- Untuk kebebasan beragama bagi setiap orang di negara ini.
- Agar Malaysia mempunyai hubungan diplomatik/perdagangan dengan setiap negara.
- Agar Jemaah rela menyerahkan hidup untuk Malaysia.

**Bertindaklah**

Pernahkah kita mengetepikan mana-mana hukum Tuhan baru-baru ini? Berjaga-jagalah agar Tuhan tidak merasa muak terhadap doa kita. (Amsal 28.9)

---

40 hari Kalender Doa  
untuk Bangsa-Bangsa

**Turki**

Empayar Ottoman di Turki menjadi penjaga tempat-tempat suci Islam, selama berabad-abad. Pada hari ini, Pemerintah Turki mengamalkan pemerintahan demokrasi, sekular, dan berparlimen, tetapi pengaruh Islam berfahaman fundamentalisme semakin meningkat. Negara ini juga salah satu negara yang paling kurang diijili.

Hidup boleh menjadi berbahaya bagi sedikit orang yang berani mengakui Kristus.

Berdoalah agar pemerintah tetap bukan berasaskan Islam, dan untuk orang Kristian di Turki agar kuat menghadapi penganiayaan yang berat.

Nota

---

---

---

---

---

---

HARI 41: 31 OGOS

PASARAN

**DIKASIHI**

ULANGAN 28:1-14

**B**erkat Bapa kita untuk anak-anak-Nya adalah berkelimpahan, melampaui dugaan dan harapan kita. Kasih-Nya tidak berhenti bahkan pada masa krisis dan kesukaran. Sebenarnya, sama ada dalam hal kenaikan pangkat di tempat kerja atau keberanian dan kekuatan di tengah-tengah pencubaan, kita dikasihi oleh Tuhan. Semoga hidup kita melimpahkan kesyukuran yang dinyatakan oleh kesetiaan dan kasih. Apabila kita mentaati perintah Tuhan dengan sepenuhnya, kita memenuhi panggilan kita sebagai murid Kristian di tempat kerja, dan berkat akan mengalir kepada orang lain.

**Berdoalah**

- Agar kita melakukan yang terbaik untuk melayani walau apapun kedudukan kita di tempat kerja, agar Tuhan dimuliakan.
- Agar orang yang patah semangat di tempat kerja akan dikuatkan lagi.
- Agar Yesus dinyatakan melalui sikap dan kelakuan kita di tempat kerja.

**Bertindaklah**

Renungkan dan berdoalah sesuai dengan Mazmur 37 untuk hidup kita.

40 hari Kalender Doa untuk Bangsa-Bangsa

**Kuwait**

Semasa perang Teluk yang pertama, Saddam Hussein menggunakan salah satu strategi lama dalam perperangan, iaitu dengan membakar telaga-telaga minyak Kuwait. Pada hari ini, pemerintah menghalang agama Kristian dengan memberikan wang perangsang kepada orang Kristian untuk menukar agama dan membeli banyak Alkitab untuk dibakar. Namun, lebih banyak Alkitab telah dimuat turun dari Internet dalam bahasa Arab daripada bahasa lain. Puji Tuhan!

**Nota**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

HARI 42: 1 SEPTEMBER

KAUM

Nota

**DIBAHARUI**

WAHYU 5:9-14

**A**pabila Tuhan memulihkan setiap suku, bahasa, kaum dan bangsa, serta menjadikan mereka pemerintah dan imam yang melayani Dia, maka penindasan, kesedihan dan air mata tidak akan wujud lagi.

Sementara kita terus bertekun dalam doa, marilah ingat bahawa orang beriman, sebagai pemenang dan pewaris mahkota, dipanggil untuk memerintah bersama-sama Dia.

**Berdoalah**

- Agar hadirat dan kemuliaan Tuhan memenuhi bangsa-bangsa.
- Agar setiap suku dan bahasa mempunyai peluang untuk mendengar Injil dan percaya.

**Bertindaklah**

Buatlah perayaan sambil mengucap syukur kepada Tuhan dengan cara yang istimewa pada hari ini!

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

## BERDOALAH BAGI ORANG ASLI

Nota

### DILENGKAPI UNTUK MEMBERKATI

EFESUS 4.7-16; 2 TIMOTIUS 3.16-17

**K**einginan orang yang melayani dalam pelayanan ini adalah melihat OA dilengkapi untuk membawa Injil kepada suku mereka sendiri dan kepada suku-suku OA yang lain. Hal ini sedang berlaku di beberapa tempat. Di gereja-gereja yang sudah lebih kukuh, para pemimpin OA sendiri membuat banyak keputusan, dan beberapa orang Kristian OA kini menjadi penginjil di suku-suku OA yang lain.

Kita mempunyai harapan kerana kita tahu bahawa dengan Tuhan, semua perkara boleh berlaku!

Menteri dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah berkata bahawa OA akan mendapat geran tanah mereka pada Januari 2006 (Feb 6, 2005, Bernama).

#### Berdoalah

- Untuk pelayanan dan gereja yang melayani di kalangan OA: kerjasama yang lebih rapat dalam perkongsian sumber; kesatuan dalam pemikiran apabila mereka mencari kehendak Tuhan mengenai cara-cara yang lebih berkesan untuk menguatkan gereja-gereja OA.
- Agar lebih ramai pemimpin OA yang bangkit dan mempunyai visi untuk menjangkau suku-suku OA yang lain.
- Untuk Komisi OA NECF, dan jaringan atau rakan pelayanan OA yang lain.

#### Bertindaklah

Adakah anda tahu bahawa ramai suku OA yang rumpun bahasa mereka lain daripada Melayu? Bacalah mengenai hal ini di "Languages and Literature" (Vol. 9 The Encyclopaedia of Malaysia)

## BERDOALAH BAGI NEGERI-NEGERI

Sabah: Minyak, sumber galian dan kayu balak menjadikan negeri ini berperanan penting dalam ekonomi Malaysia. Agama Kristian lebih tersebar luas.

Keluasan: 73,619 kilometer persegi

Ibu kota: Kota Kinabalu

Rakyat [% of Kristian (2000): 27.8%]

Penduduk (2000): 2,603,485

Kaum etnik (2000): Melayu 11.7%, Kadazan Dusun 18.4%, Bajau 13.2%, Murut 3.2%, Bumiputera lain 15.0%, Cina 10.1%, Kaum etnik lain 4.8%, Bukan Malaysia 23.6%

Agama (2000): Islam 63.7%, Kristian 27.8%, Hindu 0.1%, Buddha 6.4%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 0.4%, Agama lain 0.3%, Tiada agama 1.0%, Tidak diketahui 0.2%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 84.6% / 20 tahun & ke atas: 12.7%

Kadar kemiskinan (2002): 16.0% (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan)

**Ketua Negeri:** Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima Haji Sakaran bin Dandai

**Ketua Menteri:** Datuk Seri Musa Aman

Sarawak: Negeri yang terbesar, dan ekonominya amat bergantung pada sumber semulajadinya yang kaya, terutama minyak, gas asli cair (LNG), kayu balak, lada hitam dan lada putih Sarawak yang terkenal.

Keluasan: 124,450 kilometer persegi

Ibu kota: Kuching

Rakyat [% of Kristian (2000): 42.6%]

Penduduk (2000): 2,071,506

Kaum etnik (2000): Melayu 22.3%, Iban 29.2%, Bidayuh 8.0%, Melanau 5.5%, Bumiputera lain 5.7%, Cina 25.9%, Kaum etnik lain 0.4%, Bukan Malaysia 3.0%

Agama (2000): Islam 31.3%, Kristian 42.6%, Hindu 0.1%, Buddha 12.0%, Konfusius/Taois/agama tradisi Cina yang lain 2.6%, Agama suku/adat 5.2%, Agama lain 1.3%, Tiada agama 3.9%, Tidak diketahui 0.9%

Kadar literasi (2000): 10 tahun & ke atas: 81.6% / 20 tahun & ke atas: 10.2%

Kadar kemiskinan (2002): 5.8%

**Ketua Negeri:** Tuan Yang Terutama Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng

**Ketua Menteri:** Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abdul Taib Mahmud

## **PERHUBUNGAN UNTUK PERHIMPUNAN DOA MERDEKA**

TEMPAT	PERHUBUNGAN	NO. TELEFON
Kangar	Pr Beng Leng	04-976 7853
Alor Setar	Pr Donald	04-733 1712
Penang	Pr Andrew	04-642 5709
	Pr Soon Hock	04-228 7110
Seberang Prai	Pr Raj	04-582 0136
Taiping	Dr Dhoss	019-550 8987
Ipoh	Pr David	05-547 2994
Sitiawan	Pr Ling	012-528 4281
Teluk Intan	Pr Rachael	05-621 1392
Simpang Empat	Pr James	012-277 1530
Cameron Highlands	Rev Vijendra	05-491 3249
Rawang	Pr Sim	03-6091 8150
Kajang	Pr Kala	03-8736 1890
Seremban	Pr Voon	06-765 3777
Malacca	Pr James	06-231 0371
Muar	Bro Daniel	06-951 9520
Kluang	Pr Sunther	019-726 7634
Batu Pahat	Sis Aileen	07-431 5334
Johor Bahru	Pr Tay	016-733 6622
Kuantan	Pr Richard	09-517 7127
K. Terengganu	Pr Koshy	09-617 0830
Kota Bahru	Rev Johnny	09-748 2331
Kuching	Pr Ned / Kenny	082-571 979
Miri	Pr Pengiran	085-413 844
Labuan	Rev. John	087-412 948
Kota Kinabalu	Pr Chin	088-422 938
	Dr Philip Lyn	088-238 668
Tawau	Pr Sim	089-772 212
Lahad Datu	Pr Daniel	089-881 891

## KESAKSIAN ANDA BERKUASA, OLEH ITU SILA KEMBALIKAN BORANG INI KEPADА KAMI

Terima kasih kerana mengambil bahagian dalam Terangi Bangsa Kita 2005. Kami amat menghargai jawapan balas anda sebagai rakan dalam gerakan doa bagi bangsa kita. Sila berikan butir-butir kesaksian yang tepat atau laporan agar kita dapat mendorong orang lain.

Mahukah anda ditambahkan pada senarai penerima surat kami?  YA  TIDAK

Gelaran: \_\_\_\_\_

Nama Penuh: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_

Tel/Fax: \_\_\_\_\_

E-mel: \_\_\_\_\_

Nama gereja atau kelompok doa:

\_\_\_\_\_

Nama orang yang turut terlibat dalam kelompok anda (jika berkenaan):

\_\_\_\_\_

Adakah kesaksian yang jelas atau mendorong yang anda sudah dengar atau alami selama 40 hari ini?

\_\_\_\_\_

Doa-doa yang dijawab semasa atau selepas 40 hari:

---

---

---

Mahukah anda mendapatkan maklumat atau bantuan mengenai:

- Berdoa 24-Jam bagi Malaysia
- Latihan dan seminar mengenai doa
- Perisai Doa Pastor
- Memulakan dan meneruskan kelompok doa, misalnya, di tempat kerja

Mahukah anda melibatkan diri dalam jaringan doa yang sudah ada di pekan/kota/negeri anda atau terlibat dalam memulakan satu jaringan doa jika belum ada yang dilaksanakan?

YA  TIDAK

Sila kembalikan kepada:

Komisi Doa NECF Malaysia

Alamat: 32, Jalan SS 2/103,

Petaling Jaya 47300

E-mel: prayer@necf.org.my atau

Faks: 03-77291139



# Patanglah Keppada Dapa

Terangilah  
bangsa kita

**22 JULAI – 30 OGOS**

40-Hari Puasa & Doa & Kebajikan Kebangsaan

**28 – 30 OGOS**

Perhimpunan Doa Merdeka Seluruh Negara



Dianjurkan oleh National Evangelical Christian Fellowship (NECF)  
Komisi Doa Malaysia

32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya 47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-77278227 Fax: 03-77291139 E-mel: [prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my)